

Jilid II
Bil. 56



Hari Selasa
20hb November, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7967]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.26 [Ruangan 8003]

Maksud B.28, B.29, B.30, B.31 dan B.32 [Ruangan 8038]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985:

Jawatankuasa—

Maksud P.26 [Ruangan 8003]

Maksud P.28, P.31 dan P.64 [Ruangan 8038]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM*Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KEDUA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kehakiman, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

.. TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).

.. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

.. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).

.. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

.. DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

.. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

.. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

.. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

.. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).

.. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).

.. DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).

.. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).

.. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).

.. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

.. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

.. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

.. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

.. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

.. DR CHEN MAN HIN (Seremban).

.. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

.. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

.. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

.. TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

- Yang Berhormat DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 20hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANPEMBINAAN SEKOLAH
SECARA "PACKAGE DEAL"

1. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan pembinaan bangunan sekolah-sekolah secara "package deal", memandangkan cara sedemikian yang dijalankan sekarang adalah berjalan dengan lambat dan tidak dapat disiapkan di dalam jangka waktu yang sepatutnya terutama di kawasan-kawasan pendalaman yang tidak mempunyai jalan untuk pengangkutan kenderaan berat.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya sekolah-sekolah yang dibina secara "package deal" telah dapat disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Memang benar ada beberapa projek jenis ini yang lewat disiapkan tetapi kelewatan itu bukanlah disebabkan sistem "package deal" itu. Kelewatan itu disebabkan oleh faktor-faktor yang lain iaitu tentang masalah pengurusan di pihak kontraktor itu sendiri, tentang kekurangan kewangan dan juga

masalah cuaca yang senantiasa mengganggu kerja-kerja pembinaan sekolah-sekolah di bawah konsep "package deal" ini.

Jadi oleh sebab itulah maka Kerajaan, Kementerian Pelajaran khususnya, tidak ada cadangan hendak memberhentikan projek pembinaan secara "package deal" ini.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Sabah banyak sekali sekolah-sekolah yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, masalah kelewatan dalam menyiapkan projek-projek pembangunan sekolah terutama sekali projek-projek pembangunan bilik-bilik darjah tambahan adalah berupa masalah yang besar yang diberi perhatian utama oleh Kementerian Pelajaran pada masa sekarang ini. Beberapa langkah telah pun diambil oleh pihak Bahagian Pembangunan Sekolah, iaitu yang pertamanya ialah untuk memastikan bahawasanya penyeliaan projek-projek itu dapat dibuat dengan rapi supaya sistem "feed-back" (maklumat) tentang progress yang telah didapati "on the ground", dengan izin, mengenai pembinaan projek-projek itu terdapat dengan cepat supaya tindakan boleh diambil bagi mengatasi masalah yang didapati pada peringkat pelaksanaan projek itu.

Yang keduanya, bagi pembinaan bilik-bilik darjah yang tidak melebihi 4 bilik, kita telah bersetuju supaya kaedah gotong royong digunakan bagi pembinaan bilik-bilik darjah tersebut. Usaha-usaha lain juga sedang difikirkan oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk mengatasi kesulitan yang kita hadapi sekarang ini berhubung dengan kelewatan pembinaan sekolah-sekolah dan bilik-bilik darjah tambahan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab pembinaan sekolah ini memerlukan masa yang pendek sahaja untuk disiapkan, maka terdapat beberapa kelemahan dalam pembinaan bangunan sekolah jenis "pasang-siap" ini. Pertama sekali saya hendak bertanya adakah Menteri Pelajaran sedar bahawa terdapat sekolah-sekolah jenis ini yang dibina di atas tapak-tapak yang tidak begitu sempurna, di mana tanahnya ditimbun dengan serta merta dan kemungkinan bahawa tapak ataupun foundation pada sekolah ini mungkin akan runtuh tidak berapa lama selepas dibina.

Perkara yang kedua ialah ada sekolah-sekolah ini bahkan banyak dibina di tempat-tempat yang boleh digenangi air sedangkan bahan-bahan yang digunakan bagi pembinaan sekolah ini adalah jenis yang tidak tahan air, sedangkan tempat yang dibina adalah tempat yang ditenggelami oleh air. Jadi adakah Menteri Pelajaran sedar dalam hal ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan sekolah-sekolah yang dibina secara "pasang-siap". Adakah cara "pasang-siap" dengan cara "package deal" itu cara yang sama, Yang Berhormat?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat yang khusus seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Mungkin apa Yang Berhormat sebutkan tadi itu adalah perkara-perkara yang spesifik yang terdapat di kawasan Yang Berhormat sendiri. Kalau begitu adalah baik jika sekiranya maklumat itu yang lebih detail disampaikan untuk pengetahuan saya dan tindakan selanjutnya.

Tuan Ismail bin Said: Kalaulah Yang Berhormat Menteri mempunyai angka di sini, setakat ini berapakah jumlah bangunan sekolah yang didirikan secara package deal ini dan berapa pula yang siap dalam jangka masa yang ditetapkan dan yang tidak siap dalam jangka masa yang ditetapkan.

Kedua, adakah pembinaan bangunan sekolah secara package deal ini lebih murah jika dibandingkan dengan secara conventional dan sama ada kita mempunyai kontraktor yang cukup untuk menjalankan pembinaan bangunan sekolah secara package deal ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya cara pembinaan package deal ataupun kaedah package deal ini adalah dianggap sebagai cara apa yang paling sesuai sekali dan menjimatkan dan juga kalau kita dapat melaksanakan projek pembinaan secara package deal ini maka lebih mudah kita mendapat kontrakter-kontrakter yang secara mengumpulkan beberapa projek yang berdekatan itu dapat melaksanakan pembinaannya dan jika dilaksanakan dengan baik maka pelaksanaannya bukan sahaja menguntungkan pihak kontrakter tetapi juga adalah baik untuk Kementerian Pelajaran.

Jika tidak dikumpulkan seperti Yang Berhormat bayangkan tadi dan diberi kepada kontrakter-kontrakter

yang berasingan mungkin ada setengah-setengah sekolah itu agaknya projek itu terlalu kecil dan ini mungkin tidak dapat menguntungkan dan sukar untuk kita mendapat kontrakter bagi melaksanakannya.

Kemajuan pelaksanaan pembinaan mengikut package deal ini sebagaimana Yang Berhormat ingin tahu sukalah saya menyatakan bahawa macam di negeri Kedah di mana sistem atau kaedah package deal ini dipakai maka kesemua 32 buah sekolah yang dirancang untuk pembinaan itu telah dapat disiapkan pada bulan Julai 1984 tetapi sistem yang digunakan di Johor, sistem yang sama, menghadapi banyak juga masalah dan masalah ini adalah masalah para kontrakter dan juga masalah yang berkaitan dengan cuaca. Nampaknya macam hal ini tidak penting tetapi cuaca adalah menjadi masalah yang paling merumitkan bagi setengah-setengah kontrakter bagi projek-projek di kawasan-kawasan yang selalu hujan. Kalau Yang Berhormat ingin mendapat maklumat yang lebih detail yang terperinci untuk mengetahui sejauh manakah projek-projek itu telah dapat dilaksanakan, itu saya memerlukan notis dan saya boleh hantar secara bertulis kepada Yang Berhormat.

PERKHIDMATAN "RAIL BUS"

2. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengekalkan perkhidmatan "rail bus" di negara ini untuk mewujudkan satu perkhidmatan rel yang kerap, umpamanya satu jam sekali di antara stesen-stesen besar seperti dari Kuala Lumpur ke Ipoh, Ipoh ke Pulau Pinang, Pulau Pinang ke Haadnyai, Kuala Lumpur ke Gemas, Gemas ke Johor Bahru, Johor Bahru ke Singapura, Kuala Lipis ke Kota Bahru dan sebaliknya selain daripada perkhidmatan keretapi mel

siang dan malam yang ada sekarang, jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) telah menerima satu set rail bus dari Syarikat British Rail Engineering untuk ujian dalam tempoh tertentu iaitu daripada bulan Ogos 1984. Rail bus tersebut adalah diuji perkhidmatannya untuk menilai prestasi dan sambutan daripada orang ramai. Perkhidmatan percubaan telah diadakan di antara Johor Bahru dan Singapura selama 2 bulan iaitu pada bulan Ogos dan September dan sambutan daripada orang ramai adalah menggalakkan. Lebih daripada 65,000 penumpang telah menggunakan perkhidmatan rail bus di antara Johor Bahru dengan Singapura dalam tempoh 2 bulan tersebut. Selepas itu rail bus tersebut telah mengadakan perkhidmatan percubaan selama sebulan di laluan antara Butterworth dengan Alor Setar dan Sungai Petani. Jumlah penumpang di laluan tersebut ialah 23,892 orang.

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pengangkutan dan Pihak KTM untuk mengadakan perkhidmatan rail bus selain daripada perkhidmatan keretapi mel siang malam serta perkhidmatan ekspres yang ada sekarang. Namun begitu, sama ada rail bus ini akan diperolehi dari pihak Britain ataupun lain-lain negara adalah tertakluk kepada keputusan muktamad yang akan dibuat oleh Kerajaan kelak.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan hendak menggunakan rel yang lama juga atau diganti dengan lain walau apa koc digantikan tidakkah rel ini akan berkecai kerana lama umurnya.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak berlainan dari soalan asal. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa memang ada hasrat Kerajaan untuk menukarkan rel-rel ataupun landasan-landasan yang ada sekarang ini kerana ianya sudah terlalu uzur dan sudah lama. Jadi, soal penggantian koc-koc baru merupakan perkara biasa sahaja, kerana koc-koc yang dibeli itu ukurannya sama juga dengan landasan-landasan yang ada.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Timbalan Menteri sebentar tadi menggambarkan bahawa prestasi ujian atas rail bus ini adalah menggalakkan.

Suka saya bertanya sekiranya didapati kebaikannya ataupun kemajuannya lebih baik, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan rail bus ini dari satu tempat pelancongan ke satu tempat pelancongan. Umpamanya, daripada Genting Highlands ke Cameron Highlands sepertimana pernah digambarkan oleh Perdana Menteri bahawa satu usaha perjalanan yang baik akan diadakan. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, saya rasa satu perkara yang amat baik.

Puan Hajjah Rahman binti Othman:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa rail bus ini adalah untuk perkhidmatan jarak dekat sahaja sebab itu saya tadi menyebutkan penggunaan rail bus itu tadi adalah di antara Johor Bahru dengan Singapura kerana jarak dekat. Soal mengadakan rail bus dari satu tempat pelancong ke satu tempat pelancong seperti Genting Highlands ke Bukit Fraser itu tidak timbul kerana

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab tidak ada rel, Yang Berhormat.

Puan Hajjah Rahman binti Othman:

Benar Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak ada rel, saya hendak sebutkan tidak ada rel. Jadi, Kerajaan tidak memikirkan perkara ini.

Tuan Omar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyebutkan bahawa perkhidmatan rail bus telah mendapat sambutan dan Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan perkhidmatan ini.

Saya suka bertanya sama ada jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan ujian ini sebanyak 65,000 dalam masa 2 bulan dan yang menandatangani lebih kurang \$16,250 adakah pendapatan ini boleh mengimbangi kos dan dianggap sebagai satu perkhidmatan yang viable supaya perkhidmatan akan diperkenalkan itu tidak merugikan Keretapi Tanah Melayu.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

Jika dilihat dari hasil kutipan semasa kita membuat ujian memanglah tidak berbaloi dengan harga koc-koc iaitu harga satu set \$1.1 juta. Walau bagaimanapun, soal sama ada kita hendak gunakan ataupun tidak adalah terserah kepada Kerajaan. Kita sudahpun menyiapkan kajiannya terpulang kepada Kerajaan untuk membuat keputusan.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:

Soalan tambahan. Memandangkan bahawa perkhidmatan ujian ini begitu menggalakkan sekali dan untuk menjimatkan pertukaran wang asing, adakah Kerajaan bercadang supaya koc-koc yang akan digunakan untuk perkhidmatan ini akan dipesan di dalam negeri iaitu baru-baru ini beberapa koc telah dibuat di Pasir Gudang.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kementerian ini dan

dalam rancangannya untuk mengusahakan supaya kita mengeluarkan koc-koc kita sendiri. Tetapi setakat ini belum sampai ke peringkat yang boleh mengeluarkan lebih banyak daripada apa yang kita boleh buat sekarang ini.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu memandangkan tanda-tanda yang baik dan kemungkinan rail bus ini akan menjadi satu transport yang visible bagi keretapi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan lebih kurang jangka masa bilakah rancangan ini dapat dijalankan secara dengan sepenuhnya. Keduanya, apakah kemungkinan kesannya kepada perkhidmatan keretapi yang biasa ada? Apakah kesan-kesannya, adakah ini bermakna bahawa perkhidmatan keretapi sebagaimana yang ada sekarang ini akan terjejas ataupun akan dihapuskan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta soalan yang pertama diulangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila ulangkan bahagian pertama daripada soalan. Saya rasa telah diberi jawapan tadi, tetapi terulanglah.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebut bila masa mungkin akan dilaksanakan projek itu di seluruh negara.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan tadi, ini merupakan ujian dan kita serahkan kepada Kerajaan untuk membuat keputusan. Sebaik sahaja keputusan itu kita terima, kita laksanakan. Soal kesannya, ini tidak menjejaskan rel biasa kerana rel biasa untuk jarak jauh

dan "rial bus" ini untuk yang dekat-dekat sahaja. Jadi kesannya rasa saya adalah lebih baik kerana dia dapat mengambil penumpang-penumpang dan orang-orang yang duduk di perkampungan-perkampungan yang dekat. Kesannya baik dan kita pun telah dapat melihat daripada jumlah orang yang menaiki rail bus ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab itu diuji dahulu, bukankah Yang Berhormat?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Ya.

MURID SEKOLAH TIDAK TAHU SEMBAHYANG DAN MEMBACA QURAN

3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa ramai murid-murid sekolah menengah tidak tahu sembahyang dan membaca Quran; jika sedar apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar masih adanya banyak murid-murid kita di sekolah-sekolah yang belum tahu sembahyang dan juga membaca Quran. Oleh sebab itu maka kurikulum agama Islam di sekolah kita sekarang ini disusun semula dan asuhan membaca Quran serta latihan mengerjakan sembahyang diberi tekanan yang lebih dalam pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah dan sekolah-sekolah juga adalah diarah supaya menyediakan tempat-tempat atau bilik-bilik sembahyang supaya bilik-bilik ini dapat digunakan untuk tujuan mengajar sembahyang secara praktikal.

Juga keputusan Kementerian Pelajaran untuk menjadikan pelajaran agama Islam sebagai pelajaran yang

wajib bagi semua pelajar-pelajar Islam, saya percaya akan dapat mengatasi masalah seperti Yang Berhormat sebutkan ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran, adakah beliau sedar satu daripada kerunsingan ibubapa kita ialah anak-anak kita yang masuk ke sekolah-sekolah menengah asrama penuh yang masih terdapat yang tidak tahu membaca Quran, yang tidak lancar pun ada, yang belum katam atau yang hendak membaiki bacaannya. Ini terdapat banyak di sekolah-sekolah berasrama penuh. Apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu kelas khas ataupun memberi peruntukan supaya kelas Quran ini diadakan di waktu petang atau malam di sekolah-sekolah berasrama penuh dan diambil daripada ustaz-ustaz luar untuk mengajar Quran ini supaya anak kita yang kurang lancar yang tidak tahu membaca Quran, yang tidak katam itu dapat menamatkan bacaannya? Ini sebagai satu usaha dalam rukun Islam kita dan memberi peruntukan yang khas dalam menubuhkan kelas ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya bayangkan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Saya terdengar tadi ada perkataan "kurang ajar", betulkah itu?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak sebut—sebenarnya perkataan itu "kurang lancar".

Timbalan Yang di-Pertua: "Kurang lancar", minta maaf Yang Berhormat. *(Ketawa)*

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sebagaimana yang saya telah jawab awal tadi, memang terdapat kelemahan dalam pelajaran dan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah. Sebab itu saya telah mengakui tadi masih adanya murid-murid kita yang belum dapat membaca Quran dan ada juga yang menghadapi masalah yang belum tahu sembahyang. Jadi sebab menyedari hakikat itulah bahawa kita sekarang ini sedang merangkakan semula syllabus bagi pelajaran agama Islam itu sesuai dengan dasar dan diputuskan oleh Kementerian Pelajaran untuk menjadikan pelajaran Ugama sebagai mata pelajaran yang wajib. Bila ini dapat dilaksanakan, saya percaya masalah seperti yang terdapat di sekolah ataupun di asrama-asrama penuh itu juga dapat diatasi kerana pelajar-pelajar yang ada di asrama-asrama itu adalah pelajar-pelajar yang tentu sekali ada darjah masing-masing, yang belajar di kelas-kelas masing-masing dan tentu sekali akan dapat mengikuti pelajaran agama yang akan diberi yang saya harap akan bertambah baik nanti mutu pengajaran dan pendidikan yang diberikan itu.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan sedikit demi sedikit pihak Kementerian akan menganjur dalam mengenai mengajar sembahyang kepada murid-murid. Siapakah yang akan mengajar murid-murid itu sembahyang? Ustaz-ustaz yang mengajar di situ sahajakah ataupun sepatutnya cikgu-cikgu itu mengajar murid-murid itu sembahyang dan dia sendiri kena sembahyang, kerana di antaranya di sekolah-sekolah kalau diajar murid-murid itu sembahyang, sedangkan cikgu-cikgu sendiri tidak sembahyang, sudahlah kanak-kanak itu ataupun murid-murid itu mempelajari sesuatu tidak begitu bersungguh-sungguh.

Apakah satu langkah Kerajaan untuk membolehkan guru-guru itu sendiri mahu sembahyang di sekolah-sekolah, caranya, walaupun bukan cara perintah tetapi apakah caranya yang patut.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada caranya, Yang Berhormat.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ini saya tidak jawab, bukan fasal cara. Kewajipan kita umat Islam ialah menunaikan fardu sembahyang lima kali setiap hari dan di sekolah-sekolah kebanyakan ada juga surau-surau yang sedang disediakan di mana kewajipan untuk menunaikan sembahyang itu dapat dijalankan. Itu adalah kewajipan guru-guru yang sudah semestinya bagi guru yang beragama Islam menyedari tanggung jawab ini dengan tidak payah menunggu, diperintah atau digesa oleh sesiapaupun.

Berhubung dengan didikan agama ini, saya suka menjelaskan di sini bahawasanya didikan agama ini bukanlah didikan yang diserahkan sebulat-bulat kepada guru-guru sahaja bagi melaksanakannya seolah-olah ibu bapa tidak langsung bertanggung-jawab, seolah-olah ibu bapa lepas tangan. Jadi bila anak telah menyerahkan ke sekolah untuk belajar dan untuk belajar sembahyang dan juga untuk belajar membaca Quran, jadi ibu bapa sudah tidak ada lagi peranan. Saya fikir ini tidak betul sekali. Sebab itu dalam konsep sekolah untuk masyarakat ini, maka peranan ibu bapa sebagai peranan yang terpenting dalam memastikan kemajuan dan kejayaan pelajar itu boleh didapati akan menjadi satu priority kepada Kementerian Pelajaran untuk diberikan perhatian dan dengan adanya lagi hubungan yang erat antara guru dan ibu bapa dalam PIGB itu, maka saya yakin apa yang hendak dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dapat

membawa penyertaan daripada wakil-wakil PIGB itu dan dengan itu maka pihak ibu bapa sendiri nanti akan dapat diminta menyertai sesuatu rancangan itu dengan memainkan peranan mereka sebagai ibu bapa dan sebagai pendidik yang pertama dan yang terpenting sebagai teladan kepada anak-anak mereka sendiri. Inilah pandangan saya antara cara yang paling berkesan yang boleh kita laksanakan pada peringkat sekolah dalam didikan yang kita berikan kepada anak-anak kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya Menteri Pelajaran jadi sasaran hari ini, banyak soalan mengenai Kementerian Pelajaran.

TADIKA—UNDANG-UNDANG MENGAWAL

4. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan dan enrolmen tadika-tadika di negara kita mengikut kawasan bandar dan luar bandar. Berapakah diuruskan oleh pertubuhan-pertubuhan awam seperti KEMAS, FELDA; dan berapakah oleh badan-badan sosial atau agama dan sektor swasta. Adakah Kementerian pernah menjalankan satu kajian menyeluruh mengenai keadaan-keadaan tadika. Apakah kesimpulan-kesimpulan utama. Adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal satu rang undang-undang bagi memajukan dan mengawal penubuhan tadika-tadika. Sekiranya ya, apakah isi kandungan utama yang boleh dimasukkan ke dalam rang undang-undang seumpama ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Disember, 1983 terdapat sebanyak 5,063 pusat pra sekolah dan 259,711 orang kanak-kanak di seluruh negara. 3,456 pusat-pusat tersebut adalah dikelolakan oleh agensi Kerajaan Seperti KEMAS, 503 pusat pula dikelolakan oleh agensi-agensi

separa Kerajaan seperti FELDA, 1,018 pusat oleh pihak swasta atau persendirian termasuk agama dan 86 pusat oleh pertubuhan, persatuan atau badan-badan sosial.

Kementerian Pelajaran memang menyedari bahawa keadaan di pusat-pusat pengajian pada peringkat pendidikan pra sekolah ini banyak masalahnya kerana ada antara pusat-pusat didikan kanak-kanak ini yang dipanggil tadika/kindergarten, tabika dan sebagainya itu ada kekurangan-kekurangan kemudahan dan juga terdapat guru-guru yang tidak mendapat latihan yang secukupnya, untuk menjadi pendidik kepada kanak-kanak pada waktu mereka itu sedang membesar sedang melalui apa yang boleh kita katakan, dengan izin, formative years. Jadi, memandangkan kepada keadaan itulah, maka Kementerian Pelajaran fikir adalah perlu jika sekiranya kedudukan pendidikan pada peringkat pra sekolah ini dikaji (review), disemak supaya nanti sesuatu perubahan yang lebih baik, yang lebih menjamin pendidikan yang bermakna, yang berkesan, secara positif kepada kanak-kanak itu dapat dijalankan. Kajian ini sedang dalam pelaksanaan dan dapatan-dapatan atau perakuan-perakuan dari kajian tersebut dijangka nanti akan dapat dikemukakan kepada Kementerian sendiri oleh Jawatankuasa yang membuat review itu, dan insya Allah, dengan adanya kajian yang menyeluruh itu sesuatu dapat dibuat bagi memperbaiki keadaan pendidikan pada peringkat pra sekolah.

KRAFTANGAN DI SABAH— KEJAYAAN

5. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah kejayaan yang dicapai oleh Kementerian untuk memajukan kraftangan di Sabah.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohammad Yahya bin Lampong): Tuan Yang di-Pertua, melalui agensi pelaksana, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, beberapa kejayaan telah dapat dicapai oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk memajukan perusahaan Kraftangan di Sabah. Pencapaian kemajuan ini dapat dilihat di dalam program dan aktiviti yang sedang dijalankan.

Dari segi latihan disepanjang tahun 1979 hingga Mac 1984, seramai 130 orang belia dan beliawanis tempatan telah diambil untuk mengikuti latihan. Seramai 120 orang telah tamat mengikut latihan dan dari jumlah ini 25 orang membuka perusahaan sendiri dan 13 orang telah diambil oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Sabah sebagai tenaga pengajar.

Berhubung dengan dayacipta di sepanjang tahun 1980-1984, sebanyak 58 rekaan baru yang melibatkan anyaman buluh dan rotan, tenunan dan kayu kraf telah dihasilkan oleh Perbadanan Kraftangan Malaysia, rekaan baru tersebut telah disalurkan kepada pengusaha untuk membuat barangan contoh.

Setakat ini sebanyak 270 barangan contoh telah dapat dihasilkan. Semenjak skim bekalan bahan mentah dilaksanakan seramai 40 orang pengusaha khususnya pengusaha tenunan telah mendapat faedah dan hasil barang-barang tenunan di Sabah telah dapat dijual dengan harga yang berpatutan.

Perbadanan Kemajuan Kraftangan juga telah mewujudkan Skim Anak Angkat di mana seramai 19 orang pengusaha telah dijadikan anak angkat.

Di bawah Skim Kampung Angkat pula 5 buah kampung yang melibatkan 25 orang pengusaha telah dijadikan kampung angkat. Melalui kedua-dua skim ini pengusaha-pengusaha telah diberi kemudahan seperti bekalan bahan mentah secara kredit, pinjaman, peralatan-peralatan kecil yang berkaitan dengan perusahaan mereka di samping menyalurkan maklumat-maklumat pasaran dan rekaan baru.

PERDAGANGAN ANTARA-BANGSA—PERKEMBANGAN

6. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan atau usaha untuk memesatkan lagi perkembangan perdagangan antarabangsa yang mana pulangnya adalah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya adalah sentiasa berusaha untuk memesatkan perdagangan antarabangsa kita. Antara usaha-usaha tersebut termasuk mengadakan rombongan-rombongan perdagangan ke luar negeri, membantu pengeksporth-pengeksporth tempatan mendapatkan maklumat pasaran dan mengenalpasti peluang pasaran di seberang laut dan mengadakan rundingan-rundingan dua hala dan berbagai hala untuk menentukan pasaran Malaysia yang ada terus terbuka dan jika boleh diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rombongan perdagangan ke luar negeri anjuran Kementerian saya, syarikat-syarikat bumiputera yang mempunyai kemampuan atau potensi untuk berjaya digalakkan menyertainya. Ini adalah untuk

mempastikan syarikat-syarikat bumiputera dapat meluaskan pasaran ke luar negeri. Bahkan untuk pasaran tertentu seperti Asia Barat kebanyakan peserta-peserta rombongan adalah terdiri dari syarikat-syarikat bumi putera dan mereka telah berjaya mendapatkan pasaran bagi keluaran syarikat-syarikat mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah menubuhkan 30 pejabat perdagangan di seberang laut untuk meluaskan pasaran barangan Malaysia. Pejabat-pejabat ini bersedia membantu syarikat-syarikat tempatan termasuk bumiputera untuk mendapatkan pasaran barang-barang keluaran mereka di seberang laut. Mereka juga berusaha untuk mengenalpasti peluang-peluang pasaran yang boleh diambil kesempatan oleh pedagang Malaysia. Pejabat-pejabat perdagangan telah juga diarahkan untuk menyediakan makluman pasaran barang-barang tertentu dengan lebih lengkap lagi supaya bukan sahaja boleh menarik minat tetapi boleh memberi panduan kepada pengeksporth kita untuk memasarkan barangan mereka. Peluang-peluang ini disalurkan kepada pedagang-pedagang Malaysia termasuk bumiputera. Adalah terpujang kepada mereka untuk mengambil kesempatan peluang-peluang ini. Perlu juga ditegaskan di sini usaha-usaha Pesuruhjaya Perdagangan sahaja adalah tidak mencukupi. Oleh itu, saya suka mencadangkan supaya pengeksporth-pengeksporth menempatkan juga wakil-wakil mereka di seberang laut supaya dapat mengenal dan memahami sesuatu pasaran dengan lebih dekat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga ada mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan berbagai hala dan dua hala untuk mendapatkan pasaran yang lebih baik

bagi keluaran Malaysia. Ini termasuk rundingan-rundingan untuk memperbaiki Sistem Keutamaan Am atau dengan Izin, (GSP), dan penambahan kuota bagi barang-barang yang dikenakan kuota. Malaysia juga menyuarakan masalah-masalah perdagangan melalui forum-forum UNCTAD dan GATT supaya sistem perdagangan dunia akan lebih bebas dan dengan itu perdagangan antarabangsa Malaysia terutama dari segi eksport akan dapat terus meningkat.

Selain dari itu, berbagai galakan dan insentif disediakan oleh Kerajaan, tetapi apa yang lebih penting ialah kesediaan pedagang-pedagang kita untuk bersaing dengan pedagang-pedagang dari negara-negara asing untuk mendapatkan pasaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).

JENAYAH—STATISTIK

8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dengan statistik dan keterangan-keterangan penting sahaja tentang keadaan jenayah di negara ini dalam tempoh 2-3 tahun kebelakangan, sama ada jenayah keseluruhannya telah meningkat atau berkurangan, dengan menunjukkan beberapa aspek jenayah utama dan penting.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenayah-jenayah utama adalah dibahagikan kepada dua jenis, iaitu jenis kekerasan dan jenis harta benda. Kedudukan perangkaan kedua-dua

jenis jenayah itu adalah seperti berikut:

Jenayah Kekerasan—

1981—7,562
1982—7,163 (kekurangan 5.28%)
1983—8,209 (pertambahan 14.60%)
1984—4,244 (pertambahan 6.93%)

(hingga bulan Jun)

Jenayah Harta Benda—

1981—63,356
1982—60,570 (kekurangan 4.40%)
1983—65,551 (pertambahan 8.22%)
1984—34,074 (pertambahan 9.84%)

(hingga bulan Jun)

Walaupun pada keseluruhan kejadian jenayah meningkat dengan agak ketara pada tahun 1983, tetapi terdapat beberapa jenis jenayah semakin turun jumlahnya pada tahun tersebut, iaitu seperti jenayah cuba bunuh turun sebanyak 7.27%, jenayah samun berkawan tanpa senjata turun sebanyak 2.08% dan jenayah curi basikal turun sebanyak 12.52% pada tahun 1983.

Tuan Karpai Singh: Tuan Speaker, dalam bulan April, tahun dahulu, Akta Dadah Berbahaya 1952 ada dipinda untuk ada satu peruntukan dalam mana ada “mandatory death sentence for trafficking”, dengan izin. Adakah selepas itu kurangan dalam kes-kes dadah?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua selepas pindaan dibuat kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 dan berkuatkuasa pada 15hb Mac, 1983 terdapat pertambahan kes-kes yang ditangkap di bawah seksyen 39B yang mengenakan hukuman mati “mandatory”, iaitu sebanyak lebih kurang 632 kes yang ditangkap di bawah seksyen yang tersebut.

Tuan Newman Gaban: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan sama

ada beliau sedar bahawa kira-kira setengah daripada semua jenayah yang berlaku di Sabah pada masa ini adalah dilakukan oleh orang-orang asing. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan masalah ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua, tidak benar yang kebanyakan daripada jenis-jenis jenayah yang berlaku di Sabah adalah dilakukan oleh orang-orang asing. Walau bagaimanapun, sepertimana saya terangkan tadi, keseluruhannya kejadian jenayah meningkat, termasuk juga di Negeri Sabah dan pihak Kerajaan memanglah mengambil tindakan dan langkah-langkah yang tertentu.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, jika kita mengkaji sebab-sebab kenapa kadar kejadian jenayah ini meningkat, mungkin tidak dapat dipastikan dengan tepatnya tetapi pihak Kementerian telah mengkaji beberapa faktor dan terdapat jika diambil keseluruhannya mungkin inilah yang menyebabkan pertumbuhan kejadian jenayah di negara kita. Satu daripadanya ialah kadar perkembangan rancangan-rancangan pembangunan yang begitu pesat berlaku di seluruh negara dan juga kadar penghijrahan ke bandar-bandar oleh anak-anak muda-mudi kita daripada kampung-kampung mereka, dan juga yang penting sekali ialah pendedahan diri kepada peluang-peluang untuk penjenayah-penjenayah melakukan jenayah.

Dari segi itu, Kerajaan mengambil beberapa langkah jangka pendek, daripadanya ialah mengadakan kempen mencegah jenayah keseluruhan negara untuk menyedarkan orang ramai supaya berhati-hati terhadap keselamatan diri dan harta benda kerana terdapat kebanyakan daripada jenayah-jenayah yang dilakukan di

mana mangsa-mangsanya mendedahkan diri kepada penjenayah-penjenayah. Lagi pula, di kedai-kedai emas umpamanya pihak Polis mengadakan dialog dengan pengurus-pengurus kedai emas supaya mereka memodenkan alat-alat dalam kedai-kedai emas mereka kerana terdapat bahawa kedai-kedai emas hanya mengharapkan pertolongan daripada pihak Polis, mengharapkan pihak Polis semata-mata menjalankan pencegahan. Jadi, jika pihak-pihak kedai emas dan syarikat-syarikat kewangan meninggikan mutu alat-alat mereka, maka pihak Kementerian percayalah kejadian jenayah ini boleh dikurangkan di seluruh negara.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik

Mat: Ada dua soalan yang perlu saya tahu di sini, iaitu dalam sehari dua ini berlaku penangkapan beramai-ramai ke atas warganegara jiran kita. Saya hendak tahu adakah penangkapan ini berhubung rapat dengan jenayah-jenayah, sama ada kekerasan ataupun harta benda. Dan kalau berhubung rapat penangkapan ini dengan jenayah-jenayah ini, apakah tindakan yang perlu dibuat segera terhadap warganegara daripada luar ini.

Yang keduanya, pihak Kementerian pernahkah buat siasatan bahawa gambar-gambar televisyen yang disiarkan setiap malam, khususnya yang datang daripada Barat ini tak habis-habis menggunakan senjata dan arak. adakah pihak Kementerian sedar bahawa tayangan gambar-gambar begini tetap mempunyai kesan yang begitu rapat dengan jenayah ini dan apakah tindakan yang perlu diambil.

Timbalan Yang di-Pertua: Bahagian kedua soalan itu terkeluar sedikit daripada konteks, tetapi saya serahkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada hendak menjawab atau tidak. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang telah pun mengemukakan soalan ini kerana beliau sedar bahawa pihak Polis memang sentiasa menjalankan operasi-operasi dari semasa ke semasa. Operasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah dijalankan dengan bertujuan untuk mengesan mereka yang datang daripada negara jiran dan jika dipastikan mereka yang masuk secara haram, mereka akan diusir balik. Mereka yang terlibat dengan jenayah-jenayah yang telah pun berlaku di Bandaraya ini jika dikesan, mereka itu akan diheret untuk dihadapkan ke mahkamah.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memanglah Polis selalu menjalankan operasi-operasi seperti Operasi Membanteras 1 dan 2, Operasi Roda, Operasi Berkas, Operasi Bersih dan Operasi Sapu dari semasa ke semasa dan pihak Polis akan terus menjalankan operasi-operasi seperti ini dengan kerjasama daripada rakyat jelata.

PELAJAR WANITA BERKAHWIN WARGANEGARA ASING

9. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) benarkah terdapat pelajar-pelajar wanita Malaysia yang diberi Basiswa atau Bantuan Kerajaan belajar di Amerika Syarikat dan Britain tidak mahu pulang ke tanah air setelah tamat kursus kerana telah berkahwin dengan warganegara asing. Jika benar, apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka itu, dan
- (b) apakah langkah-langkah yang berkesan telah, sedang dan akan diambil supaya kejadian seumpama itu tidak berlaku

berleluasa di kalangan pelajar-pelajar wanita Malaysia di masa hadapan.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, (a) memang ada beberapa orang pelajar wanita kita yang dibiayai oleh Kerajaan di luar negeri tidak mahu lagi pulang ke tanahair kerana telah berkahwin dengan warganegara asing. Kerajaan telah pun menamatkan biasiswa pelajar-pelajar berkenaan dan seterusnya tindakan undang-undang juga telah diambil terhadap mereka, iaitu mengikut perjanjian kontrak yang mereka tandatangani itu.

Untuk menjawab bahagian (b) kepada soalan Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menerangkan bahawa ada beberapa langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dan juga penganjur-penganjur biasiswa untuk mencegah kejadian seumpama ini.

- (1) Pelajar-pelajar wanita yang telah berkahwin dengan warganegara asing telah ditarik balik biasiswa mereka dan mereka diperintah membayar balik gantirugi kepada Kerajaan. Ini adalah sebagai "deterrent" langkah ini.
- (2) Kerajaan sedang memperkemas jentera pentadbiran Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di seberang laut dan juga menghantar pegawai-pegawai yang lebih berkelayakan dan berpengalaman supaya dapat memberikan penerangan dan bimbingan serta mengadakan perhubungan (contact) yang lebih rapat dengan pelajar-pelajar kita.
- (3) Kerajaan menghantar pegawai-pegawai termasuk pegawai-pegawai agama melawat pelajar-pelajar di seberang laut

untuk mengadakan ceramah, seminar dan dialog dan mengedarkan risalah-risalah agama serta menerangkan dasar-dasar Kerajaan dengan lebih jelas kepada mereka.

- (4) Pelajar-pelajar yang sedang menuntut di luar negeri telah dipanggil balik dalam masa cuti panjang untuk mengikuti kursus re-orientasi (kursus orientasi semula). Masalah kesulitan yang disuarakan oleh pelajar-pelajar dalam kursus-kursus ini diambil kira dalam usaha Kerajaan memberi khidmat yang lebih baik kepada pelajar-pelajar kita yang berada di luar negeri melalui Jabatan-jabatan penuntut Malaysia.
- (5) Pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang terpilih untuk belajar di seberang laut dikehendaki mengikuti kelas-kelas persediaan agama dan juga tatanegara dan apa yang diberikan kepada mereka itu adalah lebih meluas dan lebih mendalam lagi dan di samping itu mereka juga dikehendaki mengikuti kursus-kursus untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka. Kelas-kelas persediaan berkenaan telah dimulakan pada tahun ini.

Jadi itulah Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil tetapi di sini sukalah saya tegaskan bahawa walaupun langkah-langkah itu diambil kita tidaklah boleh menjamin tidak akan ada siapa pun yang ingin kawin, maklumkan kalau cinta sudah menguasai segala-galanya (*Ketawa*), tidak ada undang-undang yang boleh menyekat.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat

Menteri Pelajaran tadi begitu jelas, namun saya mempunyai tanggapan bahawa pelajar-pelajar wanita yang berkahwin dengan warganegara asing adalah kerana tidak dapat jodoh di kalangan pelajar-pelajar lelaki daripada negara kita. Begitu juga ada pelajar-pelajar lelaki yang berkahwin dengan warganegara asing dan mereka tidak mahu balik ke negara kita ini bukan kerana mereka tak cintakan negara tetapi kesukaran

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan?

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Ada soalnya, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) kerana mereka sukar untuk membawa suami-suami warganegara asing balik untuk mendapat kebenaran menetap di negara ini berlainan dengan keadaan warganegara lelaki yang mempunyai isteri-isteri warganegara asing yang boleh membawa isteri mereka balik dan dapat dengan mudah menjadikan mereka itu warganegara Malaysia. Jadi apakah tindakan Kerajaan terhadap warganegara Malaysia lelaki yang juga berkahwin dengan warganegara asing ditarik balik scholarshipnya seperti yang dibuat kepada pelajar-pelajar wanita yang berkahwin dengan warganegara asing itu dan adakah Kerajaan akan menimbang treatment, dengan izin, yang sama bagi wanita yang berkahwin dengan warganegara asing dan juga bagi lelaki yang berkahwin dengan warganegara yang asing. Itu soalnya, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat perlukan notis?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Masalahnya ialah sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi itu banyaknya terkeluar daripada bidang

tugas saya sebagai Menteri Pelajaran, ia masuk kepada hal-hal yang berhubung dengan Imigeresen dan sebagainya. walau bagaimanapun, apa yang menjadi masalah kepada kita ialah pelajar-pelajar wanita itu kerana kahwin tak mahu balik tetapi yang lelaki kahwin, balik. Kalau Yang Berhormat sebutkan tadi adanya masalah Imigeresen dalam hal ini maka saya minta izin tak dapat memberi jawapan kerana itu adalah di luar daripada soalan yang berkaitan dan tanggungjawab kepada Kementerian yang lain tetapi dalam hal ini itulah yang kita mesti faham bahawa apa juga tindakan yang diambil oleh sesiapa pun ada risikonya, ada seronok dan ada sakitnya. Jadi dalam hal ini bagi mereka yang telah terikat dengan kontrak apabila tidak balik ertinya mereka tidak dapat menunaikan kehendak-kehendak kontrak, maka dalam hal itu tidak ada jalan lain melainkan diambil tindakan undang-undang supaya pembayaran balik ataupun gantirugi itu dibayar kepada Kerajaan. Itulah bentuk tindakan undang-undang yang telah diambil bagi pelajar-pelajar kita yang tidak dapat balik ke tanahair lagi ataupun yang tidak mahu lagi balik ke tanahair kerana sudah berkahwin dengan warganegara asing.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah saya ingat.

PEMBELIAN HELIKOPTER RUSSIA

10. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sebab (rationale) pertimbangan untuk membeli helikopter-helikopter Russia sedangkan negara-negara ASEAN berharap mempunyai kelengkapan militari yang standard yang boleh berfaedah jika ASEAN terpaksa menghadapi musuh yang sama.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya menjawab bagi Menteri yang berkenaan.

Jawapan pada soalan ini telah pun diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan bersama-sama dengan jawapan kepada soalan Yang Berhormat dari Pekan pada 9hb Oktober, 1984. Oleh itu Kementerian berkenaan tidak bercadang untuk menambah apa-apa jawapan.

JALAN LUAR BANDAR DI KEDAH—PERUNTUKAN

11. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah jalan-jalan luar bandar yang akan dibina sehingga akhir Rancangan Malaysia Keempat bagi Negeri Kedah dan berapakah jumlah peruntukannya. Adakah Kerajaan sedar bahawa dalam keghairahan Kerajaan bagi membina lebuhraya-lebuhraya bertol, pembinaan jalan-jalan luar bandar telah hampir-hampir ditinggalkan. Jika sedar bilakah pembinaan jalan-jalan luar bandar yang ditangguhkan akan dimulakan.

Dato Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Keempat negeri Kedah telah diberi peruntukan sejumlah \$139,732,400 untuk membina sejumlah 205 batang jalan raya luar bandar yang dianggarkan sepanjang 535.74 kilometer. Bukti ini menunjukkan bahawa Kerajaan telah mengambil perhatian berat terhadap pembinaan jalan-jalan luar bandar malahan dalam keadaan kemelesetan ekonomi pun Kerajaan masih meneruskan pelaksanaan jalan-jalan luar bandar di seluruh negara. Manamana jalan luar bandar yang terpaksa ditangguhkan akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan harga bagi satu kilometer jalan sekarang ini yang diberikan 47,000 bagi satu kilometer jalan luar bandar yang berukuran 7 kaki.

Soalan yang kedua, adakah pihak Kerajaan sedar bahawa untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung yang perlu ditambun ini memakan belanja yang lebih. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan peruntukan bagi menambunkan terlebih dahulu kerana Kerajaan telah pun memberikan peruntukan untuk jalan-jalan tanah merah.

Dato Mohammad Yahaya bin Lampong: Bagi menjawab soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berniat untuk menambah peruntukan untuk pembinaan satu kilometer jalan raya yang sekarang ini sedang dianggar sebanyak \$47,000.

Soalan yang kedua oleh sebab keadaan kewangan kita yang tidak mengizinkan maka Kerajaan tidak berniat untuk menambah peruntukan bagi soalan yang kedua.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar bahawa tanggungjawab Kerajaan pada masa ini dari segi beban tugas untuk menyelenggara, membina jalan-jalan kampung di dalam negara kita pada masa ini kian bertambah akibat daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terpaksa mewujudkan banyak jalan-jalan kampung yang baru di samping memelihara, memperbaiki jalan-jalan kampung yang sedia ada sedangkan jalan-jalan kampung yang sedia ada telah pun lama wujud dan kewujudannya sehingga ke hari ini sudah tidak sesuai lagi untuk dipanggil

sebagai jalan kampung kerana kampung-kampung ini sudah pun boleh dianggap sebagai kampung moden di mana jalan-jalan tersebut dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat yang hingga mengakibatkan jalan-jalan kampung ini selalu dan sentiasa rosak. Jika Kerajaan sedar tentang beban tugas dan masalah-masalah ini, adakah Kerajaan akan cuba sedaya upaya untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung menuju ke arah kampung tradisi yang begitu lama wujud ini supaya dinaikkan tarafnya dan bolehlah jalan kampung tersebut diambil alih oleh Jabatan Kerjaraya di bawah kelolaan Kementerian Kerjaraya.

Dato Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mempunyai dua dasar. Dasar yang pertama ialah untuk menaikkan taraf dan dasar yang kedua ialah untuk membina jalan raya yang baru. Jadi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tadi adalah termasuk dalam lingkungan bahawa dasar Kerajaan ada untuk menaikkan taraf-taraf jalan-jalan kampung yang telah lama wujud oleh sebab perkembangan kampung itu menjadi bandar, dinaikkan jalan raya tersebut ke taraf yang lebih baik.

PEKERJA LADANG— BAYARAN GAJI BULANAN

12. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mewajibkan bayaran gaji bulanan kepada pekerja-pekerja ladang, jika ya, beri butir-butir lanjut; jika tidak, mengapa, dan disebabkan terdapat kebuntuan dalam perkara ini dalam rundingan antara Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang dan Persatuan Pengeluaran-pengeluaran Pertanian Malaysia (MAPA), sama ada

kebuntuan tersebut akan dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan untuk penyelesaian.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pekerja-pekerja di ladang getah adalah diwakili oleh Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang atau NUPW manakala pihak majikan pula diwakili oleh Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Malaysia atau MAPA. Kedua-dua badan tersebut telah pun didaftarkan di bawah Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.

Pada kebiasaannya penetapan gaji dan syarat-syarat bagi pekerja-pekerja di ladang getah adalah melalui rundingan di antara kedua pihak iaitu NUPW dan MAPA. Namun demikian, berhubung dengan kebuntuan rundingan di antara kedua pihak terhadap tuntutan gaji bulanan oleh pihak NUPW, Kementerian saya telah diminta campur tangan dan sekarang sedang giat berusaha bagi mencari satu penyelesaian yang boleh diterima oleh kedua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini eloklah jika saya tidak memberi keterangan-keterangan lanjut di dalam perkara ini memandangkan bahawa ianya mungkin akan menjejaskan usaha perundingan yang sedang berjalan sekarang.

PETRONAS—JUMLAH KAKITANGAN TEKNIKAL

13. Tuan Omar bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kakitangan teknikal yang bekerja di PETRONAS. Berapa ramaikah terdiri dari pakar-pakar luar negeri dan berapa ramai pula pakar dari negara kita sendiri memandangkan industri minyak akan terus berkembang maju. Adakah Kerajaan bercadang mewujudkan pusat latihan industri minyak kita

sendiri atau meminta pusat-pusat pengajian tinggi mewujudkan Fakulti Industri Minyak.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, setakat 1hb September 1984 jumlah kakitangan teknikal iaitu kakitangan yang menjalankan tugas yang bercorak teknikal di PETRONAS ialah 1,718 orang. Dari jumlah ini seramai 1,635 orang (95%) adalah terdiri dari rakyat Malaysia, manakala 83 orang (5%) lagi ialah pegawai-pegawai asing, ataupun dengan izin "expatriates". PETRONAS juga mempunyai seramai 49 orang pegawai asing yang telah dipinjamkan oleh majikan mereka di bawah Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Operasi ataupun "Operation Services Agreement".

Di bawah perjanjian ini pegawai-pegawai asing tersebut akan membantu PETRONAS mengurus dan mengelolakan kilang penapis minyak dan loji memproses gas, kedua-duanya di Terengganu, dan melatih kakitangan PETRONAS.

Seandainya program latihan dan pemindahan teknologi berjalan dengan lancar seperti yang diduga rakyat Malaysia akan berupaya untuk menjalankan operasi di kilang penapis minyak pada pertengahan tahun 1986 dan loji memproses gas, kedua-duanya di Terengganu, pada penghujung tahun 1987.

Berhubung dengan sama ada Kerajaan bercadang mewujudkan pusat latihan industri minyak kita yang tersendiri, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Universiti Teknologi Malaysia telah menubuhkan Jabatan Kejuruteraan Petroleumnya sejak tahun 1975. Sehingga akhir bulan September 1984 seramai 161 orang pelajar telah menerima ijazah dan diploma di dalam bidang Kejuruteraan Petroleum.

Tambahan pula pada ketika ini terdapat empat buah institut latihan petroleum tempatan, tiga buah di Terengganu dan sebuah di Sarawak. Institut-institut ini ialah Institut Latihan Perindustrian Petroleum di Batu Rakit, Terengganu; Pusat Latihan Carigali PETRONAS di Kertih, Terengganu; Institut Latihan Teknikal ESSO di Kuala Terengganu dan Pusat Latihan Shell di Lutong Sarawak.

Institut Latihan Pengurusan PETRONAS di Bangi, Selangor pula sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka akan siap pada pertengahan 1986. Disamping itu Syarikat Malaysia LNG di Bintulu memberi latihan teknikal untuk kakitangannya serta kakitangan satu lagi projek besar yang lain iaitu ASEAN Bintulu Fertiliser juga di Bintulu. Jadi pendek kata pada bahagian akhir soalan itu, Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini tidak perlulah mewujudkan sebarang Fakulti Industri Minyak di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 14 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

DISIPLIN PELAJAR-PELAJAR DI SEKOLAH

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah yang telah dilakukan untuk mencegah ketidak disiplin yang kian meningkat di sekolah-sekolah sehingga jenayah-jenayah yang dilakukan oleh murid-murid sekolah telah menjadi satu masalah serius di beberapa sekolah.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya

memang memandang berat dan senantiasa mengawasi masalah disiplin para pelajar-pelajar di sekolah-sekolah. Tanggungjawab mengatasi dan mengawasi masalah ini telah diserahkan kepada Guru Besar di bawah kuasa Education Regulations (School Discipline), 1959 atau Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, bagi menjalankan hukuman tertentu terhadap para pelajar yang melanggar disiplin sekolah.

Kementerian saya telah dan sedang mengambil beberapa langkah positif untuk mengatasi apa-apa masalah disiplin yang timbul dengan menubuhkan satu Unit Disiplin di peringkat Kementerian Pelajaran dan menubuhkan Unit Hal Ehwal Murid dan Jawatankuasa Hal Ehwal murid di peringkat Negeri, Daerah, dan Sekolah.

Pada kebanyakan masa, pelajar-pelajar kita berada di luar sekolah. Oleh itu, ibu bapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat patut juga memainkan peranan dalam usaha kita hendak memupuk semangat disiplin di kalangan mereka.

PENDUDUK DI ULU REJANG— KAJIAN

14. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah Kementerian tersebut bercadang untuk menjalankan satu "Kajian" kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk Luar Bandar di Sarawak, khasnya kawasan seperti di Ulu Rejang. Ini adalah supaya satu pembangunan yang besar dan yang sesuai dapat diadakan di kawasan yang mundur supaya dapat menaikkan taraf hidup penduduk-penduduk yang miskin di luar bandar.

Dato' Mohammad Yahya bin Lampong: Ahli Yang Berhormat, soalan yang diutarakan oleh Y.B. dari Ulu Rejang mengenai kajian masalah penduduk luar bandar adalah terlalu umum. Kajian yang dijalankan adalah sama ada dari segi sosio-ekonomi, kependudukan, pembangunan dan sebagainya. Terdapat beberapa Kementerian dan Jabatan sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri yang menjalankan kajian untuk mengesan dan mengenal pasti keperluan dan hasrat penduduk luar bandar dari segi pembangunan seperti yang dijalankan oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan (Jabatan Perdana Menteri), Pejabat Pegawai Kemajuan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi (di peringkat Persekutuan dan Negeri). Mengenai masalah sosio-ekonomi pada, kajian dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kementerian saya yang bertanggungjawab keatas penyediaan infrastruktur kawasan luar bandar, rancangan pemulihan kampung, dan projek-projek pembangunan kampung dan luar bandar membuat perancangan dan pelaksanaan berdasarkan kajian-kajian yang dibuat oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan.

Mengenai Ulu Rejang, kajian kemungkinan dan kajian sosio ekonomi Palagus Bakun telah dilancarkan baru-baru ini oleh satu Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak berhubung dengan Projek Hydro Palagus Bakun. Tujuan projek ini adalah untuk mengadakan bekalan elektrik dan juga kawasan untuk perikanan. Kawasan ini dijangka berkembang apabila projek tersebut siap nanti. Kawasan-kawasan berdekatan akan menerima bekalan elektrik yang mungkin dapat menggalakkan perusahaan-perusahaan yang sesuai.

IJAZAH PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA—IKTIRAF

15. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada benar General Medical Council of Britain mungkin tidak akan mengiktirafkan ijazah perubatan Universiti Malaya pada tahun 1985 dan apakah sebab-sebabnya;
- (b) apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mengekalkan pengiktirafan G.M.D.; dan
- (c) apakah sebab-sebab utama ijazah perubatan UKM langsung tidak diiktirafkan oleh G.M.C. dan sama ada UKM akan berusaha ke arah mendapat pengiktirafan G.M.C.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Soalan ini telah dijawab di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekali gus dengan soalan-soalan yang berkaitan pada 11-10-84 dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

PROTON SAGA—KOS PENGELUARAN KERETA

16. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kos pengeluaran kereta PROTON SAGA akan disimpan di tahap yang rendah supaya sesuatu keluarga purata mampu membelinya.

Datuk Dr James P. Ongkili: PROTON akan memastikan supaya kos pengeluaran supaya kos pengeluaran PROTON SAGA ditetapkan di tahap serendah yang boleh. Walau bagaimanapun, dalam

usaha mengeluarkan kereta yang berkualiti, aspek kos tidaklah dapat diturunkan sehingga menjejaskan kualitinya. Kos pengeluaran juga akan bergantung kepada jumlah pengeluarannya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Kelapan)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.26 (Jadual)—

Maksud P.26 (Anggaran Pem-bangunan, 1985)—

Perbahasan disambung semula.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ahli dari Kuala Nerus, saya harap Yang Berhormat dapat menggulung ucapan dalam masa 5 atau 10 minit oleh sebab saya bercadang menjemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran menjawab dan menggulung pada pukul 4.15 petang. Silakan Yang Berhormat.

3.36 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Bismillahir-rahmanir-rahim. Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.26 Butiran 1.6 Pelajaran Agama. Saya menyambung ucapan saya semalam di atas cadangan saya supaya Kerajaan mengadakan di sekolah-sekolah rendah mata pelajaran agama sebagai mata pelajaran wajib bagi murid-murid sama ada murid-murid yang beragama Islam ataupun murid-murid yang tidak beragama Islam. Bertujuan ialah untuk memperbaiki murid-murid itu sendiri, rupa-bentuk yang bersih dengan melalui agama Islam. Walaupun jika dipandang sepintas lalu kenapakah patut murid-murid yang bukan beragama Islam mempelajari mata pelajaran itu iaitu mata pelajaran agama Islam tidak lain tidak bukan ialah bermatlamat untuk supaya kanak-kanak ataupun murid-murid itu menjadi seorang yang baik. Tentu sekali dipersoalkan adakah melalui agama Islam sahajakah boleh kanak-kanak itu menjadi orang baik, tidakkah daripada aliran-aliran lain pun boleh menjadi orang baik juga? Ia, akan tetapi melalui agama adalah lebih baik.

Timbullah satu soalan daripada Ahli dari Bandar Kuching semalam, kenapakah tidak dimasukkan mata pelajaran Kristian atau sebagainya di sekolah-sekolah? Jawabnya terutama sekali tidaklah patut sekiranya dimasukkan mata pelajaran Kristian diberi kepada murid-murid di sekolah-sekolah sebab terutama sekali kita di Malaysia ini sudah mengakui bahawa agama Islam agama rasmi dan selain daripada itu dalam agama Islam itu sendiri ada meliputi agama Kristian kerana Islam adalah agama yang lebih luas.

Kalau dikirakan perbezaan antara agama Islam dengan agama Kristian, perbezaannya ialah dalam soal ibadat-ibadat sahaja, cara-cara ibadat, tetapi dalam segi ketuhanan

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, kita mula melangkah ke alam yang saya agak harus kita elakkan. Sila teruskan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam Islam itu sendiri ada meliputi agama Kristian, agama Yahudi dan lain-lain, bererti kalau seseorang itu mempelajari mata pelajaran agama Islam, maka dengan sendirinya dia akan faham apa yang ada dalam agama Kristian, akan tetapi kalau sekiranya mata pelajaran diberi kepada murid-murid mata pelajaran yang merupai agama Kristian, dengan sendirinya tidak pula murid-murid itu memahami apa yang ada dalam agama Islam. Ini sebagai jawapan saya apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching semalam.

Selain daripada itu, betapa pentingnya mata pelajaran agama itu dijadikan mata pelajaran wajib supaya murid-murid itu tidak mempermudah-mudahkan. Apa yang ada pada hari ini murid-murid itu sendiri merasakan mata pelajaran agama itu tidak penting. Apabila sahaja tidak penting, dengan sendirinya murid-murid itu akan tidak boleh pandai. Apabila sahaja tak boleh pandai dengan sendirinya dia tidak boleh menjadi orang yang betul-betul baik sebagaimana apa yang dikehendaki oleh agama dan masyarakat, kerana Allah sendiri ada menegaskan bahawa orang-orang yang Tuhan ingin menjadikan dia baik, dia kena faham dalam agama. Sebagaimana yang diilhamkan oleh Allah subhanahu wa taala kepada Nabi s.a.w. supaya bercakap dalam mengenai perkara agama dan manusia-manusia yang ada mempunyai agama itulah yang akan menjadi orang yang benar-benar baik.

Sebagaimana sabda Nabi s.a.w.: Waman yuridillahu bihi khairan yufiqqihu fiddin. (Maksudnya: Siapa-siapa, tidak kira apa bangsa dan apa

agama, yang Allah s.w.t. akan jadikan ia orang baik, tidak kira apa agama, nescaya orang-orang seperti mana ialah orang-orang yang faham dalam agama).

Orang-orang yang faham dalam agama itulah yang benar-benar akan menjadi orang baik. Kalau sekiranya ia menjadi seorang pegawai, dengan panduan agama yang dipelajarinya dia akan beramanah. Kalau dia menjadi seorang ahli politik, menjadi orang politik yang sihat, sama ada menjadi ahli mana-mana parti. Kalau dia jadi pemimpin, ia seorang pemimpin yang ikhlas, pemimpin yang jujur, pemimpin yang bersifat kasihan belas. Tetapi kalau tidak ada agama, ia harus boleh jadi "bujur lalu melintang patah". Apa yang rasanya difikirkan patut dijalankan, apa yang difikirkan molek pada fikirannya sendiri, dia tidak mengira apa kesan akan berlaku kepada orang ramai, dia tidak peduli. Tetapi kalau ada dengan fahaman agama, dia akan berpandu dengan ajaran-ajaran agama. Inilah faedah-faedahnya mata pelajaran agama itu disusuli dan disusun daripada peringkat sekolah di sekolah-sekolah rendah lagi untuk menjadi panduan kepada murid-murid itu. Maka jalan yang lebih baik dan jalan lebih elok dalam segi hidup masyarakat dan agama.

Tuan Pengerusi: Sudah cukup masa. Kalau hendak gulung, satu dua ayat boleh.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Sedikit lagi, satu inci sahaja. Tuan Pengerusi, sehubungan dengan ini, satu cadangan saya, yang ingin saya membuat cadangan kepada Kementerian Pelajaran iaitu tentang kedudukan murid-murid di sekolah rendah, apabila mereka tamat Darjah Enam. Keadaan yang ada sekarang murid-murid yang berhenti belajar daripada sekolah-sekolah

rendah Darjah Enam dan sebagainya, penghargaan tak ada langsung di sisi Kerajaan tentang sijil berhenti itu.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan jadikan catatan ataupun garisan kepada Sijil-sijil rendah itu, Sijil-sijil Darjah Enam itu yang ianya boleh digunakan dengan sijil itu untuk mendapat pekerjaan dengan taraf gajinya yang tertentu. Jangan pula belajar sampai Darjah Enam, keluar sekolah tak dapat apa-apa, hanya yang dia dapat sekeping kertas daripada guru mengatakan sudah berhenti Darjah Enam. Apa yang saudara dapat? Saya dapat Sijil Darjah Enam. Itu sahaja yang dapat. Hendak jaja, hendak minta kerja dengan sijil itu, tidak ada harga. Samalah juga dengan orang yang tak ada apa-apa kelulusan dari segi penghargaannya. Jadi saya mencadangkan supaya dihargai. Umpamanya, murid-murid yang tamat Darjah Enam.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, duduk sebentar! Ahli Yang Berhormat, tadi saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat masa untuk mengulung. Menggulung ertinya membuat kesimpulan terhadap hujah-hujah yang disampaikan demi menguatkan apa yang diucapkan itu. Bolehkah Yang Berhormat simpulkan?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini saya hala kepada kesimpulan, sudah mula kepada kesimpulan tetapi fasal tali itu berbelit-belit hendak tarik perlahan-lahan sedikit. Itu jadi lambat sampai.

Sijil tadi ditentukan, misalnya, Sijil Berhenti Darjah Enam, dia boleh bekerja dengan gaji sekian misalnya: \$150, \$170 atau \$50. Tetapi ertinya ada harga. Tetapi sekarang tak ada harga langsung. Maka walaupun pelajaran itu sedikit, tetapi penghargaan kena diberi, sebab sedikit cara sedikit, banyak cara

banyak. Allah s.w.t. sendiri ada mengajarkan kita, firmanNya: (Maksudnya: Adakah sama kamu ukur, adakah sama kamu pertimbangkan orang yang tahu dengan yang tak tahu langsung? Adakah sama?) Tentu sekali tidak sama. Oleh yang demikian, Kerajaan kenalah membuat imbangan ataupun ukuran yang ada harga.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, itu eloklah.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Jadi rasa saya inilah kesimpulannya itu. Maka saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan bagi Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pekan.

3.50 ptg.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan): Tuan Pengerusi, izinkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan Anggaran Belanjawan 1985 peringkat Jawatankuasa. Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi, kepada Maksud Bekalan 26 atau B. 26, Butiran 3, Program 3.1, 3.2 dan Maksud Pembangunan 26 atau P. 26, Butiran 1, 2 dan 3.

Tuan Pengerusi, peranan yang dimainkan oleh PIBG di sekolah-sekolah adalah penting sekali bagi kemajuan dan pencapaian murid dalam bidang akademik, sukan dan kemajuan individu pada keseluruhannya. Berpandukan Akta Pelajaran 1961 dan kaedah-kaedah Persatuan Ibubapa dan Guru-guru 1973 maka wujudlah PIBG di semua sekolah-sekolah di seluruh negara. Dengan adanya PIBG, bermulalah ibubapa mengambil minat terhadap pelajaran murid-murid di sekolah-sekolah secara kumpulan dan bertindak secara keputusan-keputusan mesyuarat dari masa ke semasa. Apa

yang menjadi masalah kepada PIBG-PIBG di kawasan Parlimen Pekan, terutama daerah Pekan ialah tertubuhnya satu badan sukarela yang diwujudkan mengikut Akta Pertubuhan Badan-badan Sukarela yang berdaftar iaitu Gabungan Persatuan Ibumaba dan Guru-guru Daerah Pekan dengan mempunyai Nombor Pendaftaran 373 Pahang, dan mempunyai undang-undang tubuhnya sendiri di antara tujuan-tujuan undang-undanganya ialah:

- (a) Merapatkan perhubungan dan kerjasama yang pen antara Persatuan Ibumaba dan Guru-guru Sekolah bagi mengajar, mengawal dan mempertinggikan darjah pelajaran dan akhlak murid-murid.
- (b) Mengadakan tabung derma pelajaran atau biasiswa yang lebih luas bagi menolong murid-murid yang berkebolehan tetapi tidak mampu melanjutkan pelajarannya kerana kemiskinan.
- (c) Berikhtiar bagi mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Persatuan-persatuan Ibumaba dan Guru-guru.
- (d) Bekerjasama dengan Kerajaan atau pihak-pihak yang berkenaan bagi memajukan pelajaran kebangsaan.
- (e) Membuka dan menguruskan kelas-kelas pelajaran tambahan dan kelas-kelas bimbingan hingga ke tingkat enam.
- (f) Berikhtiar menggalak, mengadakan berbagai-bagai kemudahan bagi pelajar-pelajar seperti asrama, buku-buku dan lain serta cuba mengatasi berbagai-bagai kesulitan mereka jika dikemukakan kepada gabungan ini.

- (g) Menganjurkan penerangan-penerangan mengenai pelajaran dengan tujuan menyedarkan ibu bapa akan tanggungjawab mereka terhadap pelajaran anak-anak dari masa ke semasa.

Apa yang mendukacitakan saya ialah selaku Pengerusi Gabungan PIBG ialah di atas tindak-tanduk Jabatan Pelajaran Pahang yang tidak menyenangkan ahli-ahli kami di mana gabungan ini telah berjalan dengan lancar dan menarik minat PIBG-PIBG di kawasan Pekan. Ahli-ahli gabungan kami setakat ini berjumlah 27 badan-badan PIBG dan semakin tahun semakin bertambah. Gabungan ini telah ditubuhkan pada tahun 1976 dan sehingga kini telah hampir 10 tahun umurnya. Tiap-tiap kali kami bermesyuarat agung banyak perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli-ahli bagi tujuan meninggikan taraf pelajaran anak-anak kami.

Apabila kami berutus surat kepada Jabatan Pelajaran Negeri di atas satu-satu perkara maka jawapan yang diberi bertarikh 21hb September, 1984 ialah memberitahu kami tentang kaedah-kaedah PIBG 1973 di antara lain iaitu kaedah 12 di mana persatuan iaitu PIBG yang ditubuhkan di bawah kaedah 3 bermaksud penubuhan dan keanggotaan PIBG tidak boleh bergabung dengan mana-mana parti politik atau badan-badan kesatuan sekerja atau lain-lain pertubuhan yang didaftar atau diperbadankan di bawah mana-mana undng-undang bertulis yang berkuatkuasa berhubung dengannya.

Teguran yang diberi kepada kami berat untuk diterima oleh kerana kami bergerak berasaskan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak bolehkah sampai surat itu terus kepada Yang Berhormat Menteri dalam perkara itu?

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Saya rasa elok kalau boleh dibaca sedikit. Ringkas sahaja, maksud sahaja, Tuan Pengerusi, minta izin diteruskan.

. . . . yang berdaftar mengikut undang-undang pertubuhan badan-badan sukarela. Gabungan seperti kami ini hanya wujud di dua tempat sahaja iaitu di Pekan dan Raub di dalam negara ini. Dengan adanya kaedah-kaedah PIBG 1973 ini kami sekarang berada di dalam dilemma.

Saya menyeru Kementerian Pelajaran agar kaedah PIBG 1973 ini dipinda terutama sekali kepada kaedah 2 iaitu tafsiran di perluaskan supaya ia hingga kepada sesiapa sahaja yang berminat atau kepada sesiapa sahaja yang difikirkan boleh memberi munafaat kepada sekolah adalah layak menjadi ahli PIBG sesebuah sekolah itu selain daripada ibu bapa dan penjaga-penjaga murid itu sendiri. Adalah sesuai sekali jika kaedah 12 dan mana-mana kaedah-kaedah yang berkait dipinda supaya skope kegiatan dan aktiviti dari sekolahnya atau kampungnya sehingga kepada badan-badan PIBG yang lain di daerah yang sama. Dan peringkat daerah pula dibenarkan bergabung ke peringkat negeri dan seterusnya sampai ke peringkat tertinggi iaitu kebangsaan.

Di antara faedah-faedah yang boleh diperolehi ialah:

- (1) Memberi dan menerima maklumat, pengalaman, fikiran, tenaga dan wang ringgit antara satu dengan lain.
- (2) Menyatukan usaha imej, tenaga, fikiran bagi mengatasi apa-apa jua masalah.
- (3) Bantu-membantu dan bekerjasama antara PIBG yang kuat dengan yang lemah.

(4) Memikul tanggungjawab yang besar dan berat seperti mengadakan satu-satu seminar atau lain-lain.

(5) Membulatkan fikiran dan mendapatkan faedah bersama PIBG yang berkenaan.

Walaupun dalam kaedah-kaedah keadaan dilemma kami akan terus bergiat segera cergas demi untuk kepentingan murid-murid sekolah dengan menganjurkan seminar sehari iaitu kursus untuk membincangkan hal-hal pelajaran dengan kerjasama Biro Pelajaran UMNO Bahagian Pekan, Jabatan Pelajaran Daerah pada 2hb Disember ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu sukalah saya menarik perhatian Dewan ini kepada sebuah sekolah Vokasional yang dirancang iaitu sekolah Vokasional Kejuruteraan Laut yang dirancang di Pontian daerah Rompin yang telah tapaknya siap seluas 60 ekar sehingga ini tidak tahu apakah ceritanya. Apa yang difahamkan dalam tahun-tahun awal lapan puluhan dahulu bahawa projek ini akan dibiayai oleh Bank Dunia. Saya dapat dengan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di atas perkara ini begitu juga mengenai dengan Sekolah Vokasional Bandar Mu'azam Shah yang tapaknya juga telah siap tetapi tidak tahu apakah kedudukan pada masa ini.

Selain daripada itu suka saya menarik perhatian perkara yang pernah berlaku kepada negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung. Amat sedih sekali bahawa tiap-tiap tahun kita menghantar guru-guru terlatih ke negeri-negeri ini tiap-tiap tahun tetapi apa yang berlaku juga suatu exodus, dengan izin, guru-guru yang terlatih selama lebih kurang lima tahun seramai 400 hingga 500 guru yang terlatih di negeri Pahang yang saya tahu diluluskan pertukaran mereka ke

negeri-negeri asalnya. Apa yang mendukacitakan saya ialah bahawa negeri Pahang dan juga negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung telah dijadikan suatu training ground, dengan izin, untuk melatih guru-guru yang baru keluar daripada Maktab ini dan keadaan ini amat menyusahkan kami di negeri-negeri Pantai Timur oleh kerana guru-guru terlatih ini apabila balik ke tempat masing-masing, kami diganti dengan guru-guru baru.

Jadi, keadaan ini tidak begitu baik dan amat mendukacitakan. Saya menyeru Kementerian Pelajaran agar menambahkan lagi quota guru-guru pelatih yang diambil dari negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia ini supaya mereka ini tidak balik ke negeri asalnya oleh kerana kalau kita ambil guru-guru pelatih daripada negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia ini, besar kemungkinan mereka ini akan menetap di negeri-negeri itu.

Selain daripada itu, penambahan guru-guru agama Kementerian Pelajaran amat ketara sekali sejak akhir-akhir ini di mana terdapat setengah-setengah sekolah sehingga dua tahun tidak mempunyai guru-guru agama. Dengan kita menerapkan nilai-nilai Islam, saya menyeru pihak Kementerian Pelajaran agar suatu crash programme ataupun program kilat dibuat untuk mengambil guru-guru agama begitu banyak supaya tidak ada ketinggalan dalam segi menempatkan guru-guru agama Kementerian Pelajaran ini di sekolah-sekolah yang memerlukan mengikut aliran dan perkembangan perjuangan Islam atau kebangkitan Islam yang begitu ketara, yang begitu baik sekali di negara kita ini.

Selain daripada itu, suka juga saya menarik perhatian Kementerian ini mengenai dengan sekolah-sekolah di kawasan Pahang Tenggara di mana terdapat lebih kurang 40,000

penduduk, pendatang baharu daripada rancangan FELDA yang telah diwujudkan sejak akhir-akhir ini di mana didapati bahawa setengah-setengah tempat seperti Selancar Dua masih tidak mempunyai sekolah kebangsaan dan saya difahamkan bahawa pada tahun 1985 ini murid-murid akan ditempatkan di rumah-rumah peneroka buat sementara.

Begitu juga setengah-setengah tempat di mana penambahan bilik-bilik darjah diperlukan. Umpamanya, di sekolah seperti Sekolah Menengah Perwira Jaya dan sekolah-sekolah seperti Keratong 6, FELDA 4 dan 5, tambah bilik darjah, Sekolah Menengah Muazzam Shah dan sebagainya. Saya berharap kepada Kementerian Pelajaran agar menggunakan budi bicaranya untuk mengadakan sekolah-sekolah pasang siap di mana-mana ini hendaklah diadakan dalam masa yang begitu singkat sekali memandangkan mereka ini murid-murid daripada luar bandar, terutama sekali rancangan-rancangan FELDA begitu kekurangan sekali daripada segi pelajaran yang seharusnya Kementerian menitikberatkan perkara-perkara sedemikian.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit.

4.03 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Pengerusi, saya memberikan sokongan kepada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pelajaran iaitu sebanyak \$4,493,205,450. Untuk memberikan sokongan ini, saya akan menyentuh dua masalah sahaja dan ingin saya kemukakan kepada pihak

Kementerian untuk mendapat perhatian dan juga kemungkinan untuk dapat dilaksanakan.

Perkara yang pertama, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B. 26, Butiran 5 iaitu Perancangan Penyelidikan, Penilaian Perancangan Pelajaran, Program 51. Tuan Pengerusi, masalah yang akan saya timbulkan ialah mengenai Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) ataupun SITC dari segi prestasi kedudukan dan identitinya.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita makluman, Maktab ini telah diwujudkan dalam tahun 1922 di kala mana negara kita masih pekat dengan kekuasaan penjajah Inggeris. Kelahirannya adalah di zaman masyarakat Melayu di dalam keadaan serba kekurangan dan tersangat mundur dalam bidang pendidikan dan kelahirannya telah menjadikan simbul dan titik permulaan kepada kelahiran, keintelektualan Melayu di tengah-tengah masyarakat negara yang dijajah. Maka tidak hairanlah ia telah menjadi suatu kebanggaan kepada bangsa Melayu sehinggalah ke zaman cahaya kemerdekaan memancar di bumi Malaysia pada tahun 1957.

Tujuan asal perwujudannya ialah untuk melatih guru-guru sekolah Melayu yang lengkap dengan keperluan pendidikan di zaman itu. Dari saat-saat itulah lahirnya kumpulan guru-guru Melayu yang terlatih dan disematkan pula dengan semangat mengembalikan maruah bangsa yang sudah tercemar sekian lama.

Di Maktab inilah merupakan asas bermulanya semangat nasionalisma Melayu di mana bakal-bakal gurunya telah ditiupkan semangat kebangkitan bangsa oleh beberapa orang guru-guru tenaga pengajar di situ. Dan apabila graduan-graduan yang keluar dari Maktab itu ditempatkan bertugas di

seluruh cerok rantau negara ini, di samping mendidik anak-anak sebangsanya, mereka juga menyebarkan semangat kesedaran dan semangat kebangsaan kepada penduduk-penduduk di kawasan pendalaman yang masih lalai dan hayal dengan suasana tradisi yang tidak kenal akan erti kemajuan.

Tuan Pengerusi, kita sama-sama mengenali nama-nama pemimpin bangsa dan negara yang disanjung tinggi, dihormati dan disegani kerana dengan jasa-jasanya yang begitu banyak dan besar iaitu membebaskan negara dari penjajah dan juga jasa kepada pembangunan negara. Antaranya, nama-nama seperti Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail, Allahyarham Datuk Abdul Rahman Talib, Allahyarham Encik Ibrahim Yaakob dan yang masih bersama-sama dengan kita seperti Yang Berhormat Encik Abdul Ghafar Baba bekas Yang Berhormat Dato Senu Abdul Rahman dan beberapa banyak lagi mereka ini adalah anak-anak kandung daripada Maktab tersebut. Begitu juga banyaknya nama ahli-ahli kariawan Melayu, ahli sasterawan yang lahir daripada Maktab tersebut seperti Allahyarham Harun Aminurashid, Allahyarham Buyong Adil, Allahyarham Ahmad Bakhtiar dan lain-lain yang telah menjadi pengasas dan penggerak kepada alam penulisan Melayu.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1924 di Maktab tersebut telah diwujudkan pusat karang-mengarang ataupun Jabatan Karang-mengarang yang dipimpin oleh Allahyarham Pendita Tan Sri Za'ba di mana ianya berperanan menyediakan bahan-bahan bacaan yang menjadi buku teks kepada bakal-bakal guru di Maktab tersebut dan juga di sekolah-sekolah Melayu ketika itu. Juga terjemahan buku-buku Inggeris untuk menjadikan bahan bacaan kepada masyarakat

Melayu ketika itu. Dan apa yang penting sekali di Pusat Karang-mengarang inilah lahirnya buku-buku Tata Bahasa Melayu yang ulung iaitu Ilmu Mengarang Melayu dan Pelita Bahasa Melayu oleh Allahyarham Za'ba. Buku tersebut telah menjadi asas kepada penyusunan tata Bahasa Melayu ataupun Bahasa Malaysia hari ini yang digunakan oleh ahli-ahli bahasa kita. Maka memandangkan jasanya yang amat besar kepada kemajuan dan pendidikan negara kita, jasa Maktab tersebut, juga sumbangannya kepada kebangkitan semangat nasionalisma Melayu dan juga semangat kebangsaan bagi negara kita rakyat Malaysia hari ini maka Kerajaan dan kita semua tidaklah patut melupakan MPSI ini begitu sahaja dan membiarkan ia hanyut ditelan zaman dan dilupakan. Hari ini ia merupakan tidak lebih daripada sebuah pusat latihan guru yang sama tarafnya dengan pusat-pusat latihan guru yang lain dalam negara ini. Tinggallah ia kalau hendak diumpamakan seperti seorang tua yang kesepian, yang sudah tidak ada tenaga lagi. Identitinya yang agung sudah lenyap ditelan oleh arus perkembangan dan kemajuan negara.

Maka di sini saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelajaran supaya mengambil perhatian ataupun memikirkan sesuatu yang baik terhadap Maktab tersebut, Maktab yang penuh dengan sejarah supaya dinaikkan tarafnya, kemungkinan dijadikan sebuah universiti ataupun sebuah institusi tinggi setaraf ataupun tegak bersama-sama dengan institusi-institusi tinggi yang lain yang terdapat dalam negara kita. Misalnya, dijadikan ia sebagai sebuah universiti pendidikan yang tunggal melatih bakal-bakal guru yang berijazah dan lain-lain keperluan pendidikan untuk negara ini, dan saya bolehlah mencadangkan nama universiti tersebut ialah Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Dari segi kedudukannya amat sesuai, tidak jauh dari ibukota Kuala Lumpur dan sudah tentulah mudah berhubung dan tidak menghadapi kesulitan untuk mendapatkan tenaga pengajar, tenaga pentadbiran dan pengurusnya. Kawasannya yang luas membolehkan Kerajaan membangunkan beberapa kompleks bagi keperluan-keperluan kuliah bagi melaksanakan cadangan saya tadi.

Tuan Pengerusi, kalaulah ini dapat kita jayakan, alangkah megahnya, alangkah besarnya hati bekas-bekas anak kandung khasnya dan bangsa Melayu kerana pusat pendidikan awal telah menjadi satu tempat di mana keseluruhan rakyat negara dapat menggunakannya di dalam memberitahu didikan kepada rakyat jelata.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh di sini dengan ringkas ialah Maksud B. 26 juga, Butiran 4 iaitu berkenaan dengan Kebajikan Penuntut-penuntut, Program 4.4 iaitu Pemberian Buku Teks.

Tuan Pengerusi, Skim Bantuan Buku Teks ini yang telah dilaksanakan kalau saya tidak silap semenjak tahun 1974, sudah berjalan selama 10 tahun, tetapi adakah benar-benar Skim Bantuan ini telah berjaya membantu atau benar-benar berkesan untuk menyelaraskan kemudahan-kemudahan ataupun memberi kemudahan-kemudahan pelajaran kepada pelajar-pelajar miskin ataupun pelajar-pelajar yang tidak mampu seperti yang telah dimasukkan dalam tujuan asal mewujudkan Skim Bantuan Buku Teks ini.

Saya timbulkan masalah ini ialah kerana pemberian Bantuan Buku Teks ini sudah banyak lari dari tujuan asal, dari segi pelaksanaan di peringkat sekolah. Pada hari ini ia bukan sahaja diberi kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu, tetapi pelajar-pelajar

yang sepatutnya tidak diberikan bantuan juga diberikan bantuan yang sama kerana terdapat sekolah-sekolah yang memberikan Bantuan Buku Teks ini secara 100%. Maka ini sudah tentulah memang satu cara yang mendapat sanjungan daripada pihak-pihak yang sepatutnya membeli buku, tetapi apa yang kita tumpukan ialah tujuan asal untuk membantu pelajar-pelajar yang benar-benar tidak mampu untuk membeli buku-buku teks.

Perkara pelaksanaan yang sudah lari saya sebutkan tadi, sudah tentulah menjadi beban kepada Kerajaan. Setahu saya pihak Kerajaan dalam melaksanakan Bantuan ini, terpaksa mengeluarkan peruntukan lebih daripada \$25 juta setahun. Jadi dalam tempoh 10 tahun bererti lebih daripada \$250 juta Kementerian Pelajaran membelanjakan semata-mata untuk membekalkan buku teks. Jadi perbelanjaan yang begitu besar sepatutnya dapat benar-benar dilaksanakan, benar-benar membantu pelajar-pelajar miskin, pelajar-pelajar yang tidak berkeupayaan.

Jadi saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran mengkaji semula masalah ini iaitu untuk menentukan bantuan hanya diberi kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu tetapi untuk menyelesaikan masalah kepada ibu bapa yang tidak layak mendapat Bantuan Buku Teks kepada anak-anaknya dan pastikan mereka juga dapat membeli buku. Jadi saya mencadangkan supaya hubungan daripada pihak sekolah dengan Kementerian di dalam menentukan bilangan murid yang dapat bantuan dan berapa ramai murid yang tidak mendapat bantuan. Jadi angka ini dihantar kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian hendaklah membekalkan 100% buku teks ke sekolah-sekolah. Kepada yang tidak mampu diberi bantuan percuma, kepada ibu bapa ataupun pelajar yang

mampu diberi buku tersebut dengan membayar. Dengan cara ini sudah tentu tidak timbul masalah ibu bapa kesulitan mendapatkan buku teks dan cara pelaksanaan membantu ataupun menyampaikan buku teks tidak lagi berlaku kesilapan seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi: Saya rasa cukuplah dua perkara itu, sebab masa sudah berlarutan.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Minta 3 minit. Tuan Pengerusi, saya ringkaskan sahaja.

Berkenaan dengan buku-buku teks ini juga, pada hari ini selain daripada buku teks yang dihantar ke sekolah terdapat setengah-setengahnya sudah begitu lama dan tidak berapa sesuai lagi, masih lagi digunakan di sekolah-sekolah. Saya mencadangkan kerana kebanyakan pelajar-pelajar yang diberikan Bantuan Buku Teks ini kebanyakannya ialah pelajar-pelajar yang benar-benar tidak mampu.

Jadi biarlah buku teks yang sampai kepada mereka itu benar-benar dapat memberikan bantuan kepada meninggikan mutu pelajaran mereka, kerana kita lihat di kota-kota, di bandar-bandar terdapat begitu banyak buku-buku teks yang terjual dan kalau kita lihat di antara buku-buku teks yang terjual di kedai-kedai itu ada di antaranya yang mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada buku teks yang disenaraikan oleh Kementerian Pelajaran dan yang dibekalkan di sekolah-sekolah.

Jadi kepada orang-orang bandar dan juga kepada orang-orang yang mampu, sudah tentu dia dapat membeli seberapa banyak buku-buku teks ini untuk memberi panduan dan bacaan tambahan kepada anak-anaknya sedangkan anak-anak orang yang miskin, anak-anak orang luar bandar semata-mata bertumpu kepada sebuah buku teks bagi satu matapelajaran.

Jadi di sini saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran mengkaji semula tentang pemilihan buku-buku teks ini ataupun sekurang-kurangnya membenarkan ataupun menambah senarai-senarai buku teks ini supaya tidak terhad kepada senarai-senarai yang lama kerana dengan cara ini selain daripada kemudahan kepada ibu bapa, kemudahan kepada pelajar-pelajar, juga memberi peluang kepada penerbit-penerbit yang tidak berpeluang membekalkan buku teks ke sekolah-sekolah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat, oleh sebab saya tadi telah membuat pengumuman di Dewan ini bahawa saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran menjawab pada pukul 4.15 petang, sekiranya saya membiarkan masa berjalan dan Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 4.20 petang, agak terlalu berbeza di antara 4.15 dan 4.20. Jadi oleh kerana sekarang 4.19 petang, masih lagi belasanya, saya terpaksa menjemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya menjawab dan mengulung perbincangan sekarang ini.

4.20 ptg.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkanlah saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Kementerian Pelajaran dan saya mengucapkan terima kasih atas segala sokongan yang telah diberikan kepada cadangan Belanjawan bagi Kementerian Pelajaran ini.

Dalam perbincangan yang telah berlaku semenjak petang semalam sehingga waktu ini, banyak juga perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat dalam ucapan-ucapan yang telah mereka berikan sepanjang perbincangan itu. Izinkanlah saya memberi ulasan, pandangan dan teguran daripada Kementerian Pelajaran tentang ulasan-ulasan dan pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menimbulkan satu perkara yang berkaitan dengan masalah kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah. Dalam hal ini sukalah saya menerangkan bahawasanya kekurangan ini adalah menjadi masalah yang diberi perhatian yang paling utama oleh Kementerian Pelajaran dan langkah-langkah sedang dilaksanakan pada masa sekarang untuk memastikan bahawasanya kekurangan bilik-bilik darjah itu dapat diatasi dengan secepat mungkin. Kaedah-kaedah membina bilik-bilik darjah yang bilangannya tidak melebihi empat, secara bergotong royong dianggap adalah satu-satunya cara yang dapat menambah bilik-bilik darjah itu dengan cepat dan tidak memerlukan belanja yang berlebihan. Di samping itu juga projek "Package deal" atau pasang siap sebagaimana saya sebutkan tadi pada waktu soal, adalah juga dianggap sebagai kaedah yang boleh mempercepatkan pembinaan bilik-bilik darjah yang diperlukan di kawasan-kawasan ataupun bagi sekolah-sekolah yang terlalu banyak murid yang ada sekarang dan dengan itu memerlukan bilik-bilik darjah tambahan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di Semenanjung Malaysia sebanyak 519 projek telah dijalankan dengan perbelanjaan sebanyak \$229 juta banyaknya, dan sebanyak 2,325 bilik darjah dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 1984 ini. Ertinya 2,325 bilik darjah akan siap pembinaannya di akhir tahun 1984 ini untuk digunakan mulai awal tahun 1985, tahun hadapan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tertib Mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Tertib Mesyuarat berkenaan dengan cukup bilangan telah dibangkitkan. Saya terpaksa mengira berapa Ahli-ahli yang ada dalam Dewan ini sekarang. Silakan Tuan Setiausaha.

(Setiausaha membuat kiraan: 23 orang Ahli hadir).

Tuan Pengerusi: 23—tidak cukup bilangan. Setiausaha, sila bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir).

Tuan Pengerusi: Kelihatan jelas cukup bilangan sekarang. Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Pada tahun 1985 pula sebanyak \$36 juta dijangka akan dapat dibelanjakan dan perbelanjaan ini adalah untuk 112 buah projek bagi pembinaan bilik darjah. Di Sarawak, sebanyak \$62.9 juta telah diperuntukkan pada tahun 1984 untuk pembinaan sebanyak 952 buah bilik darjah. Untuk tahun 1985 dijangka sebanyak \$48.1 juta akan dibelanjakan bagi membina 951 buah bilik darjah.

Untuk Negeri Sabah pula sebanyak 305 buah darjah telah dibina dengan peruntukan sebanyak \$66.4 juta bagi tahun 1984 ini. Pada tahun hadapan sebanyak \$85.1 juta dijangka dapat dibelanjakan untuk pembinaan 307 buah bilik darjah.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya telah juga berjaya mengadakan tempat belajar bagi 2,140,000 murid-murid di sekolah-sekolah rendah dan 1,240,000 murid-murid di sekolah menengah di seluruh negara pada masa ini. Kementerian saya juga akan

terus memastikan bahawa semua murid-murid akan disediakan tempat belajar di sekolah-sekolah pada masa akan datang. Kementerian Pelajaran juga sedang berusaha untuk mengurangkan bilangan murid-murid dalam satu kelas dan mengecilkan nisbah guru kelas sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan prestasi pelajaran dan pembelajaran. Perkara ini sedang dilaksanakan di kelas-kelas KBSR secara berperingkat-peringkat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga ada menyatakan bahawa masa yang diperuntukkan di kelas KBSR tahap satu, adalah terlalu ketat kerana tiap-tiap waktu digunakan untuk sesuatu aktiviti tertentu dan ini adalah bertentangan dengan prinsip "Mastery of Learning", dengan izin, yang merupakan matlamat utama dalam KBSR. Ahli Yang Berhormat itu juga meminta tiga waktu bebas seminggu diberikan untuk kerja-kerja pemulihan, pengkayaan dan pengajaran pembelajaran berkelompok.

Saya suka menjelaskan di sini bahawa apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa waktu untuk kelas KBSR itu adalah ketat, sebenarnya tidaklah betul. Sebenarnya, waktu yang diberikan itu memang flexible. Masa KBSR bagi tahap satu yang ada sekarang ini iaitu sebanyak 1,320 minit seminggu adalah difikirkan sesuai dan mencukupi dan tidaklah ketat sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebutkan itu. Dengan itu saya percaya langkah-langkah ke arah pemulihan, pengkayaan dan "year group teaching", dengan izin, adalah merupakan unsur yang penting dan tentu sekali boleh diambil dan boleh dipastikan bahawasanya kejayaan sistm KBSR itu dicapai. Dalam hal ini, saya fikir tidaklah perlu untuk diadakan tiga waktu bebas sepertimana Ahli Yang Berhormat cadangkan itu.

Mengenai peranan penggunaan bahasa Inggeris di SRJK (C) dan SRJK (T) pula, saya inginlah menerangkan bahawa kedudukannya adalah tidak jauh berbeza dengan apa yang terdapat di sekolah-sekolah kebangsaan. Perlu saya mengingatkan di sini bahawa bahasa Inggeris hanya mula diajar pada tahun tiga dan inipun sebagai satu mata pelajaran sahaja. Oleh hal yang demikian, adalah kurang wajar jika kita menghendaki seseorang murid itu dapat menguasai tiga bahasa serentak dengan prestasi yang sama. Menyentuh tentang satu perkara lagi yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, iaitu keluaran Guru-guru untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya kelonggaran syarat untuk maktab diberikan kepada mereka ini.

Dalam perkara ini sebenarnya bukan sahaja keluaran guru untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang tidak mencukupi, keluaran guru untuk sekolah-sekolah lain juga adalah tidak mencukupi. Walau bagaimanapun sukaiah saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa baru-baru ini telah saya umumkan satu langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk menambahkan lagi bilangan guru-guru yang kita perlukan iaitu dengan cara menambahkan lagi bilangan atau menambahkan lagi pengambilan untuk Maktab-maktab Perguruan sebanyak 50%. Jadi sekiranya Maktab Perguruan pada hari ini mengeluarkan 6,000 guru dilatih setahun, maka dengan cara baru kita dapat mengeluarkan sebanyak 9,000 guru pada tiap-tiap tahun dan adalah dianggarkan kekurangan sebanyak 20,000 guru yang dialami itu akan dapat diatasi pada tahun 1992 nanti. Jadi langkah bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh sebab kekurangan guru

ini berupa langkah yang dapat dilaksanakan secara berperingkat.

Saya ingin menyatakan bahawa pengambilan guru pelatih untuk kursus Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina memang sudah kita tambah sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Mulai bulan November, 1984 40% dari pengambilan guru-guru sandaran untuk mengikuti kursus asas akan terdiri dari guru yang akan mengikuti kursus untuk Sekolah Rendah Cina. Kelayakan kepujian Bahasa Malaysia adalah wajib bagi semua calon yang diterima masuk untuk mengikuti kursus perguruan, calon-calon yang mempunyai kelayakan ini adalah mencukupi dan dengan itu tidaklah timbul soal melonggarkan syarat ini seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Kelantan telah mencadangkan supaya latihan pengkhususan bagi guru Bahasa Malaysia diadakan dan beliau juga mencadangkan supaya Maktab Perguruan Bahasa dijadikan pusat untuk melatih guru-guru ini dan untuk menjalankan penyelidikan mengenai pelajaran bahasa.

Saya suka menjelaskan di sini bahawa di Maktab-maktab Perguruan, pelatih yang akan menjadi guru Bahasa Malaysia adalah mengikuti kursus pengkhususan Bahasa Malaysia. Mereka ini diberi latihan khusus tentang pengkaedahan mengajar bahasa. Siswazah-siswazah yang akan menjadi guru Bahasa Malaysia juga mendapat latihan yang sama di universiti-universiti mereka.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas cadangan daripada Ahli Yang Berhormat mengenai Maktab Perguruan Bahasa itu dan saya akan mengkaji cadangan ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah mencadangkan supaya mata pelajaran yang berakhlak diperbanyakkan kepada pelajar-pelajar kerana mata pelajaran ini amat sedikit diberi penekanan.

Saya suka menerangkan di sini bahawa pendidikan akhlak memang diberi penekanan di sekolah-sekolah kita di dalam KBSR. Pendidikan akhlak tergolong dalam komponen kerohanian, nilai dan sikap, ia diajar melalui pendidikan agama Islam. Di dalam hidang ini selain daripada penekanan pada asas agama Islam, aspek budi pekerti, amali juga dititikberatkan, pendidikan moral berupa nilai yang menerus ke arah pendidikan akhlak diajarkan. Penekanannya adalah sekadar amalan harian untuk melahirkan tabiat dan kelakuan yang baik. Di peringkat sekolah menengah bidang ini diserapkan melalui pendidikan Tatarakyat. Mengenai penggubalan KBSM (Kurikulum Baru Sekolah Menengah) yang sedang dirangkaikan sekarang, jadi tentang perkara ini, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat bersabar sementara sesuatu pengumuman mengenai dapat dibuat kemudian nanti.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat tersebut supaya Kementerian Pelajaran menambahkan masa pengajaran mata pelajaran agama Islam seperti mewajibkan mata pelajaran agama Islam kepada semua murid-murid, di samping itu pelajar-pelajar Islam yang tidak lulus dalam mata pelajaran ini tidak diberikan sijil. Saya sukalah menerangkan bahawa Kementerian Pelajaran telah pun mengambil tindakan untuk menambahkan masa pengajaran bagi mata pelajaran agama Islam. Jadi kepada Ahli Yang Berhormat yang

telah memberi hujah yang agak panjang tentang pentingnya pelajaran agama dan pendidikan agama kepada pelajar-pelajar kita, sukalah saya memberi jawapan yang ringkas iaitu Kementerian memang menyedari tentang pentingnya pendidikan agama itu dan juga pengetahuan agama itu oleh sebab itulah, maka Kementerian Pelajaran telah memutuskan supaya pelajaran agama Islam atau pendidikan agama dijadikan mata pelajaran yang wajib bagi semua pelajar-pelajar Islam dan ke arah itu sukatan pelajaran agama Islam sedang dikaji pada waktu ini sebagaimana yang telah saya umumkan tadi pada waktu soal jawab

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Berkenaan ucapan Yang Berhormat dari Ulu Nerus, adakah Kementerian Pelajaran berhasrat untuk mewajibkan mata pelajaran agama Islam untuk semua murid-murid bukan Islam?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Pengerusi, saya pun baru hendak cakap mengenai perkara itu, tetapi Ahli Yang Berhormat sudah bangun. Jadi berhubung dengan cadangan supaya pelajaran agama Islam itu diwajibkan juga kepada pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam, Kementerian Pelajaran tidak ada sebarang rancangan untuk menjadikan pelajaran ini sebagai pelajaran yang wajib bagi pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyarankan supaya Sekolah Vokasional bertambah bilangannya bagi menampung lebih ramai lagi pelajar-pelajaran lepasan SRP. Suka saya terangkan di sini bahawa pada masa ini di Kementerian

Pelajaran ada sebanyak 37 buah Sekolah Menengah Vokasional dengan enrolmen seramai 13,631 orang. Di samping itu 10 buah lagi Sekolah Menengah Vokasional sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam tahun 1985-1986. Kementerian saya juga sedang berunding untuk mendapatkan pinjaman daripada Asian Development Bank dan Islamic Development Bank untuk membina sebanyak 23 buah lagi Sekolah Menengah Vokasional di seluruh negara. Adalah difikirkan apabila sekolah-sekolah ini siap nanti kita mampu untuk menampung dan memberi latihan vokasional serta mengeluarkan tenaga mahir untuk pembangunan negara kita.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada cadangan Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas itu mengenai penambahan enrolmen di politeknik dan menaikkan taraf politeknik di negara ini. Sebenarnya Kementerian saya sedang menjalankan projek untuk membina 5 buah politeknik lagi di Alor Setar, di Batu Pahat, di Kota Bharu, di Port Dickson dan Kuching, di samping dua buah yang ada sekarang di Ipoh dan Kuantan. Pengambilan pelajar-pelajar seramai 121 orang di politeknik Alor Setar dan 236 orang di politeknik Batu Pahat sudahpun dimulakan. Pada tahun 1985 politeknik Kota Bharu pula akan mula mengambil pelajar-pelajarnya dan apabila semua projek ini siap, maka pelajar-pelajar politeknik dijangka akan meningkat kepada 15,000 orang ramainya.

Tuan Pengerusi, di samping menambahkan kemudahan fizikal ini, Kementerian saya juga sedang mengkaji untuk menyusun semula Kurikulum Sekolah Menengah Vokasional dan politeknik. Penggubalan semua kurikulum ini antara lain bertujuan untuk memberikan latihan yang lebih comprehensive supaya tahap

kemahiran para lulusan dapat dipertingkatkan. Dengan ini adalah diharapkan mereka akan benar-benar dapat mengisi keperluan tenaga manusia dalam bidang-bidang berkenaan serta memberikan sumbangan yang berkesan kepada pembangunan negara. Oleh kerana itu juga Kementerian tidak bercadang untuk menaikkan taraf politeknik ke peringkat yang lebih tinggi dari yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan masalah kekurangan peluang-peluang melanjutkan pelajaran tinggi dalam negeri yang ditimbulkan oleh ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya ingin menjelaskan di sini bahawa semua kaum di negara kita adalah mempunyai peluang yang sama terhad untuk melanjutkan pelajaran tinggi di universiti-universiti tempatan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambah lebih banyak peluang pelajaran tinggi, di samping memberikan kemudahan-kemudahan pelajaran kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya tanpa mengira kaum.

Penubuhan Universiti Utara Malaysia dan pembukaan kampus-kampus cawangan di Kubang Krian, di Bachok, di Bintulu dan Likas serta mewujudkan fakulti-fakulti baru, seperti Fakulti-fakulti Kejuruteraan bagi Universiti Sains Malaysia, bagi Universiti Pertanian serta Jabatan-jabatan baru di universiti-universiti tempatan yang sedia ada, jelas menunjukkan usaha yang positif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menambah peluang pelajaran tinggi dalam negeri ini. Sebanyak \$299,310,000 telah disediakan bagi tahun 1985 bagi projek pembangunan universiti-universiti tempatan, khususnya untuk mengadakan kampus-kampus cawangan dan juga Jabatan-jabatan tambahan itu.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat itu supaya pelajaran pra-universiti diadakan dalam negeri ini

bagi mengurangkan aliran pertukaran wang ke luar negeri, sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian saya sedang menjalankan beberapa program, seperti Program TOEFL, program untuk Peperiksaan 'A' Level, program untuk Australian Matriculation dijalankan dalam negeri kita pada masa sekarang ini. Jadi, ini adalah dengan tujuan untuk memastikan supaya pelajar-pelajar kita yang dahulunya dihantar begitu ramai ke luar negeri untuk mengambil kursus-kursus berkenaan, kursus-kursus pra-universiti dapat diberi di sini. Dengan adanya rancangan-rancangan ini maka pelajar-pelajar kita yang begitu ramai yang telah dihantar ke luar negeri itu dapatlah diberi pelajaran itu di sini dan ini bererti kita dapat mengurangkan pengaliran wang ke luar negeri.

Di samping itu juga kita akan mengadakan projek-projek universiti kembar (twinning university) dan dengan adanya projek ini maka kita bercadang supaya bagi Tahun Satu dan Tahun Dua, Peringkat Pengajian Universiti, kita dapat adakan di negara kita dan pelajar-pelajar yang telah mengikuti pelajaran peringkat universiti tahun satu dan tahun dua dapat menyambungkan pelajaran ke tahun ketiga di universiti luar negeri. Inipun adalah satu daripada cara untuk menjimatkan perbelanjaan wang ataupun untuk mengurangkan pengaliran wang ke luar negeri.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan kebimbangan Ahli Yang Berhormat mengenai bilangan kakitangan akademik di Fakulti Perubatan dan Kejuruteraan yang meletakkan jawatan dan dikhuatiri menjejaskan kualiti pengeluaran graduan-graduan dalam bidang-bidang tersebut, suka saya terangkan di sini bahawa Kementerian Pelajaran telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah ini. Pihak universiti telah pun mengambil

langkah-langkah untuk melatih lebih ramai tenaga pengajar melalui skim-skim latihan dan juga mengambil kakitangan luar (expatriate) untuk menampung keperluan ini. Di samping itu, Kerajaan juga sedang mengkaji Skim Perkhidmatan Kakitangan Akademik dengan tujuan untuk membaiki skim-skim yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya perletakan jawatan kakitangan akademik di kedua-dua Jabatan tersebut pada tahun 1983 dan 1984 telah dapat dikurangkan kepada 7% sahaja setahun. Kadar ini adalah tidak luar biasa memandangkan mereka itu adalah golongan profesional dan dengan itu mempunyai harapan untuk bekerja dalam bidang swasta, namun begitu Kerajaan telah dapat mencegah penghijrahan berleluasa. Saya percaya dengan usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan itu maka tenaga profesional yang diperlukan untuk Jabatan-jabatan yang berkenaan itu tentulah akan dapat memenuhi juga keperluan Kerajaan sendiri.

Tuan Pengerusi, ada juga Ahli Yang Berhormat dari Pekan tadi ada menimbulkan perkara yang berkaitan dengan PIBG (Persatuan Ibu—Bapa dan Guru). Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa gabungan PIBG yang wujud bagi daerah Pekan itu adalah berupa satu masalah kepada Jabatan Pelajaran dan Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa ada terdapat keengganan daripada Jabatan Pelajaran untuk memberi sokongan yang sepenuhnya kepada gabungan itu atas alasan bahawa PIBG tidak boleh bergabung mengikut kaedah-kaedah penubuhan PIBG. Ini memang benar, PIBG tidak boleh bergabung tetapi PIBG-PIBG yang ada memang boleh bekerjasama dan kita menggalakkan untuk PIBG-PIBG yang ada bekerjasama supaya dengan pertukaran-pertukaran

pengalaman yang ada antara PIBG itu ia akan dapat membantu lagi usaha-usaha PIBG ke arah memajukan sekolah mereka masing-masing. Walau bagaimanapun, perkara gabungan PIBG ini kepada saya adalah berupa satu perkara yang baru walaupun pengwujudannya di daerah Pekan adalah agak lama, saya suka dengan itu memberi satu pertimbangan semula tentang sama ada baik atau tidak baiknya gabungan PIBG itu diwujudkan.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pekan supaya kegiatan PIBG itu dibuka juga untuk penyertaan oleh ahli-ahli yang tidak sepatutnya menjadi ahli PIBG, ertinya mereka bukan ibu atau bapa kepada murid yang ada di sekolah itu, saya menyambut baik cadangan itu. Sebenarnya ini adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran sekarang ini sesuai dengan konsep "Sekolah untuk Masyarakat" membolehkan penyertaan pemimpin-pemimpin masyarakat, terutamanya sekali dalam kegiatan-kegiatan PIBG supaya dengan adanya penyertaan daripada mereka, maka kegiatan yang berkaitan dengan sekolah tempatan mereka itu akan menjadi satu kegiatan yang akan sentiasa mendapat perhatian dan akan sentiasa diberi kerjasama oleh mereka. Kejayaan sesebuah sekolah bukan hanya bergantung kepada kemampuan dan sumbangan daripada guru-guru yang berkhidmat di sekolah itu, bukan sahaja kepada peranan murid-murid yang sedang belajar di sekolah itu tetapi juga penting ialah peranan, galakan, kerjasama dan sumbangan yang boleh dibuat oleh ibu bapa dan juga oleh masyarakat tempatan kerana alam persekolahan bagi murid-murid, alam keluarga bagi mereka dan alam masyarakat bagi mereka adalah berupa 3 alam yang penting yang mempengaruhi usaha mereka untuk mencapai kejayaan dalam bidang pelajaran. Maka dengan itu, sudah

semestinya masyarakat, ibu bapa, guru dan murid bergabung tenaga bagi memajukan pelajaran.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan sekolah vokasional di Rompin dan sekolah vokasional di Muadzam Shah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, sukalah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Pelajaran sekarang ini sedang berunding dengan pihak ADB (Asian Development Bank) dan Islamic Development Bank untuk mendapat peruntukan bagi pembinaan kedua-dua buah sekolah itu. Insya Allah, apabila pinjaman itu diperolehi, maka cadangan bagi menambah sekolah vokasional ataupun khususnya bagi membina sekolah vokasional di tempat-tempat yang berkenaan akan dapat dilaksanakan. Tadi pun apabila saya memberi kenyataan berhubung dengan rancangan bagi pembinaan tambahan sekolah-sekolah vokasional, sukalah saya memberi kepastian kepada Ahli Yang Berhormat bahawa rancangan yang telah disebutkan itu sememangnya mengandungi pembinaan dua buah sekolah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tentang berlakunya, dengan izin, exodus untuk memetik perkataan Ahli Yang Berhormat, exodus guru yang terlatih dari negeri-negeri Pantai Timur dan dengan itu telah menimbulkan masalah di sekolah-sekolah yang ada di Pantai Timur, saya sukalah juga memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Pelajaran juga telah bersetuju untuk melaksanakan satu kaedah yang dapat mengatasi masalah seperti ini. Kaedah ini ialah untuk memastikan supaya pengambilan guru ataupun pengambilan guru-guru pelatih itu dibuat mengikut keperluan kawasan-kawasan di mana guru-guru sangat kurang. Di dalam hal ini jika sekiranya di dapati kawasan Pantai

Timur kurang guru dan memerlukan banyak tenaga perguruan maka tentulah sekali mengikut kaedah ini bilangan pelatih ataupun bilangan calon-calon yang boleh dipilih untuk latihan perguruan itu akan dapat dibesarkan bagi kawasan Pantai Timur. Jadi dengan kaedah ini saya percaya kawasan-kawasan yang mengalami masalah kekurangan guru ataupun kawasan-kawasan yang kurang maju dan sukar mendapat guru kerana guru lebih berminat hendak berkhidmat di kawasan-kawasan yang maju, saya percaya masalah ini tentu sekali akan dapat kita atasi.

Begitulah juga halnya dengan mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran guru dan sekolah bagi kawasan-kawasan FELDA di mana terdapat ramai pendatang-pendatang baru. Dalam hal ini suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah pun menghubungi saya mengenai hal ini supaya Kementerian Pelajaran dapat mengatasi masalah kekurangan tempat belajar bagi kawasan-kawasan FELDA itu. Kementerian Pelajaran sedang memberi perhatian utama kepada keperluan ini supaya murid-murid yang begitu ramai di kawasan-kawasan FELDA itu dapat diberi tempat untuk belajar, ertinya di mana tidak ada sekolah akan berusaha untuk pembinaan sekolah bagi mereka.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit tadi telah mengemukakan satu cadangan untuk meningkatkan taraf MPSI (Maktab Perguruan Sultan Idris) ataupun SITC (Sultan Idris Training College) kepada tahap universiti mengenangkan peranan Maktab MPSI ini selama ini sebagai gedung terpenting melatih guru-guru yang diperlukan oleh negara kita.

Saya suka lah memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa cadangan yang beliau kemukakan itu akan saya beri pertimbangan tetapi pada waktu ini suka saya mengatakan kepada Ahli Yang Berhormat MPSI bukanlah berupa maktab perguruan yang diketepikan ataupun yang dilupakan. MPSI adalah antara maktab perguruan yang aktif yang mempunyai ramai guru-guru pelatih dan yang sedang menunjukkan kejayaan yang boleh dibanggakan. Kedudukan MPSI sekarang memanglah sebagai maktab perguruan dan dia satu di antara 26 maktab perguruan yang ada pada masa sekarang ini tetapi tentang masa depannya mengikut cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu maka saya suka lah meminta tempoh untuk memberi pertimbangan terhadap cadangan-cadangan itu sebelum saya mengumumkan apa-apa keputusan mengenyainya.

Tentang buku teks pula satu lagi perkara yang telah ditimbulkan oleh ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan di sini bahawa di Kementerian Pelajaran ada Biro Buku Teks yang saya percaya akan dapat berusaha untuk mengatasi sebarang masalah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Memanglah menjadi kewajipan bagi Kementerian Pelajaran untuk memastikan supaya buku-buku dapat dibekalkan kepada sekolah-sekolah dengan secukupnya. Dan bagi tahun 1985 mengikut apa yang sedang dirancangan oleh Kementerian Pelajaran bersama dengan Dewan Bahasa pada masa sekarang, insya Allah, buku secukupnya akan dapat dibekalkan awal tahun 1985 dalam bulan Januari dan tidaklah payah menunggu sehingga bulan April ataupun bulan Mei seperti yang biasa berlaku pada masa-masa dahulu. Langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran bersama dengan Dewan

Bahasa itu ialah langkah untuk mempercepatkan percetakan buku-buku yang diperlukan itu dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu yang boleh mempercepatkan percetakan itu. Saya percaya dengan perhatian yang diberikan oleh sebuah jawatankuasa yang telah pun diwujudkan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Murad Mohd. Nor maka keperluan buku teks untuk sekolah-sekolah kita akan dapat kita penuhi secukupnya, insya Allah.

Tuan Pengerusi, itulah antara perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan mengenai Kementerian Pelajaran. Saya tahu ada lagi banyak perkara-perkara lain yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, semua itu telah pun dicatat dan akan diberi perhatian dan pertimbangan dan di mana difikirkan idea-idea itu baik dan bernas dan boleh dilaksanakan bagi meninggikan lagi mutu khidmat yang boleh diberikan oleh Kementerian Pelajaran kepada anak-anak kita maka idea-idea itu akan dilaksanakan sama ada dalam bentuk projek baru-projek baru ataupun menerapkan dalam projek-projek yang sedia ada yang dalam pelaksanaan pada masa sekarang ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap memberi sokongan kepada Kementerian Pelajaran dan yang telah memberi teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang membina.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,768,455,300 untuk Maksud B. 26 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,768,455,300 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$724,750,150 yang disebutkan dalam Maksud P. 26 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$724,750,150 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B. 28, B. 29, B. 30, B. 31 dan B. 32 (Jadual)—

Maksud P. 28 dan P. 31 dan P. 64 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 28, B. 29, B. 30, B. 31, B. 32 dan Kepala Pembangunan P. 28, P. 31 dan P. 64 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, bahawa anggaran perbelanjaan bagi Maksud Bekalan 28, Butiran 1, Pentadbiran Am, Kod 1000, Jenis Perbelanjaan, Emolumen, diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 berkaitan dengan gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi, setahun dahulu iaitu pada 22hb November 1983 saya telah mencadangkan suatu usul untuk memotong sebanyak \$10 gaji Menteri Kewangan untuk membantah sekeras-kerasnya pengendalian skandal pinjaman \$2.5 billion Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong oleh Kerajaan kerana skandal tersebut telah memburukkan kedua-dua cogan kata-cogan kata yang paling popular

Pentadbiran 2M yaani sebuah Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah dan Kepimpinan Melalui Teladan.

Hari ini saya mencadangkan usul kedua pemotongan gaji sebanyak \$10 untuk membantah sikap beralih dan janji-janji yang tidak dikotakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru untuk memberi satu pengakaunan penuh kepada orang ramai mengenai skandal BMF dan keengganan Kerajaan untuk menjelaskan sepenuhnya kepada Parlimen mengenai skandal BMF. Adalah sangat dan amat "significant" bahawa Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin Zakaria, selaku Pengerusi Jawatankuasa Siasatan tiga orang yang ditubuhkan oleh Bank Bumiputra ke dalam skandal pinjaman BMF telah memberi amaran kepada orang ramai bahawa mereka janganlah menaruh harapan tinggi terhadap Jawatankuasa siasatan kerana Jawatankuasa tersebut terpaksa menjalankan kerja-kerjanya mengikut syarat-syarat rujukan yang ditentukan oleh Bank Bumiputra dan beliau ada berkata, dengan izin, saya buat petikan:

"Jadi apa yang boleh dilakukan oleh Jawatankuasa ini adalah bergantung kepada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada Bank Bumiputra dan pegawai-pegawai BMF", hujah beliau.

Tan Sri Ahmad Noordin telah mengatakan bahawa Jawatankuasanya tidak mempunyai kuasa untuk memaksa sesiapa memberi maklumat kepada Jawatankuasa kerana kuasa-kuasa seumpama itu ada disisi pihak berkuasa penyiasat Kerajaan seperti Peguam Negara, Polis, Badan Pencegah Rasuah dan Majistret-majistret. Kata-kata Tan Sri Ahmad Noordin pada hari ini telah menggambarkan sekali lagi cara pengendalian skandal pinjaman BMF oleh Kerajaan yang paling tidak memuaskan hati.

Nampak berpandukan prinsip pengawalan kerosakan maksima atau, dengan izin, "maximum damage control" dan bukan mendedahkan sepenuh-penuhnya sebab-sebab asas mengenai skandal BMF. Malah kita diingatkan akan skandal "Watergate" yang menggoncang Presiden Nixon di Amerika Syarikat di mana pada peringkat awal penafian bulat-bulat telah dibuat bahawa tidak mana-mana pemimpin tinggi yang telah melakukan apa-apa kesalahan, akan tetapi apabila bukti yang bersifat "incriminating" berlonggok-longgok, Pentadbiran Nixon telah menjalankan satu siri operasi pengawalan kerosakan atau dengan izin, "damage control operation" di mana pada suatu ketika pegawai-pegawai atasan yang tidak dapat dilindungi dipaksa menanggung tanggungjawab dengan harapan tindakan seumpama itu akan menyelamatkan reputasi dan kedudukan politik mereka yang berpangkat lebih tinggi yang turut terlibat. Apakah skandal BMF ini merupakan skandal Watergate Malaysia dan apakah berasaskan kepada sebab ini Kerajaan tidak bersedia mengadakan suatu penyiasatan yang menyeluruh dalam bentuk Suruhanjaya Siasatan Di-Raja kerana takut ia akan dapat mengesan dengan izin, "smoking gun" sehingga ke tahap politik yang lebih tinggi yang bertanggungjawab dalam hal ini yang melampaui pegawai-pegawai pentadbiran dan pengurusan sama ada di BMF atau di Bank Bumiputra.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menegaskan semula pada hari semalam bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja tidak akan ditubuhkan bagi menyiasat BMF dengan mendakwa bahawa Parlimen telah menolak cadangan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja. Ini adalah alasan yang paling pincang yang boleh diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana Parlimen telah menolak usul saya

untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di Raja pada 18hb Oktober ini. Penolakan ini disebabkan oleh ketaatan dan "subservience" buta Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional kepada Whip Kerajaan.

Walaupun ada sebilangan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang menyedari bahawa kepentingan negara memerlukan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja ditubuhkan untuk menyiasat skandal BMF tidak seorang pun berani mengundi menyokong penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja kerana takut melanggar tata tertib parti. Bagi ahli-ahli Parlimen dan Menteri-menteri ini tata-tertib parti menjadi lebih penting daripada kepentingan negara dan hak rakyat untuk menikmati kewibawaan dan amanah awam dalam pengurusan wang awam oleh pegawai-pegawai awam. Saya tidak ragu-ragu bahawa sekiranya hari ini Kerajaan menerima pandangan bahawa harus ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja, setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional yang telah menentang dahulunya akan menyokong sekarang tanpa memikir dua kali. Saya rasa gembira bahawa Ketua Pemuda UMNO yang juga Menteri Pertanian telah mengambil pendirian sekarang bahawa harus ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja dan bahawa ia rasa kecewa seperti juga rakyat Malaysia biasa dengan laporan sementara atau laporan awal Jawatankuasa Siasatan Tan Sri Ahmad Noordin.

Walau bagaimanapun saya hairan bahawa menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan, Pemuda UMNO tidak menyampaikan secara "formal" cadangan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja kepada Kerajaan kerana ini bertentangan dengan cara operasi biasa Pemuda UMNO untuk menekankan pandangan-pandangannya ke atas Kerajaan

dengan menghantar perwakilan memorandum permintaan untuk bermesyuarat dan lain-lain.

Mengapakah Pemuda UMNO dan Ketuaanya begitu lembab kali ini dalam tuntutan mereka untuk penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja. Saya berharap bahawa Ketua

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya berasa ragu-ragu apa Yang Berhormat ucapkan itu sama ada ucapan itu tidak tersentuh kepada Peraturan Mesyuarat 36 (3) yang berbunyi "Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat jika dicuba menimbangakan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat dalam Penggal Majlis yang ada sekarang, kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi membatalkan keputusan Majlis Mesyuarat berkenaan dengan perkara itu".

Perkara yang bersangkutan-paut dengan kewangan BMF telah pun ada satu usul, "substantive motion" daripada Yang Berhormat sendiri maka telah pun diberi peluang untuk berbahas dan usul ini telah pun ditolak. Yang demikian, pada fikiran saya, adalah salah jikalau sekiranya diungkit-ungkitkan semula ataupun hendak menimbangakan semula perkara-perkara yang telah pun diputuskan oleh Majlis ini mengikut satu usul yang telah pun ditetapkan. Oleh yang demikian, saya rasa saya tidak membenarkan Yang Berhormat berucap lagi diatas perkara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, bolehkah saya menjelaskan yang saya utarakan sebelum satu keputusan muktamad dibuat oleh kerana antara sebab-sebab saya kemukakan usul ini untuk memotong \$10 bukan sahaja atas sebab keengganan Kerajaan untuk mengadakan satu Suruhanjaya

Siasatan Di-Raja yang ada menjadi satu usul "substantive". Tetapi apa yang berlaku selepas usul itu ialah mengenai Laporan "Interim" yang ada dikemukakan kepada Kerajaan dan di mana ada diumumkan tetapi bukan sepenuhnya yang ada dijanjikan dan selepas itu lagi laporan yang kedua yang ada dikemukakan oleh Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin dan sehingga hari ini belum lagi diumumkan. Inilah saya mahu baharu berucap bukan sahaja atas ini sahaja tetapi kalau "ruling" Tuan Pengerusi ialah perkara Suruhanjaya Siasatan Di-Raja oleh kerana sudah ada diputuskan tidak boleh dikemukakan, saya mahu masuk kepada alasan-alasan yang lain.

Tuan Pengerusi: Ya, saya ingat itulah "ruling" saya dengan kerana Peraturan Mesyuarat 36 (3) ini tidak mengatakan jikalau sekiranya ada satu-satu perkara "intervening" yang datang maka bolehlah diungkitkan semula, tidak ada. Yang demikian saya rasa saya terikat dengan Peraturan Mesyuarat 36 (3) tidak dapat membenarkan Yang Berhormat berucap di atas perkara itu tetapi Yang Berhormat boleh berucap di atas perkara lain.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Sebenarnya, saya pun sudah tamat mengenai perkara Suruhanjaya Siasatan Di-Raja. Tuan Pengerusi, Laporan Sementara Jawatankuasa BMF Tan Sri Ahmad Noordin yang telah diumumkan kepada orang ramai pada 2hb November 1984 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan lebih daripada 2½ bulan selepas ianya disiapkan dan dikemukakan telah menjadi satu kekecewaan besar oleh kerana ia tidak mendedahkan lebih daripada apa yang sudah diketahui tentang skandal kewangan buruk itu dan rakyat jelata tidak mengetahui apa yang lebih daripada yang sudah diketahui tentang siapa, mengapa dan bagaimana skandal itu berlaku.

Laporan Sementara itu atas betapa luas dan rupa pinjaman-pinjaman atau kemudahan-kemudahan kredit yang diberi oleh BMF kepada Kumpulan Carrian dan Eda Investment LTD. telah menjadi satu kekecewaan besar kerana jika Jawatankuasa ini menerima kerjasama penuh daripada Bank Bumiputera dan BMF maka ia tentu boleh mendapat maklumat dan data itu dalam beberapa hari sahaja dan bukan memerlukan 7 bulan. Ini menjadikan kenyataan Tan Sri Ahmad Noordin hari ini bahawa kemajuan Jawatankuasa bergantung kepada maklumat-maklumat yang boleh diperolehi daripada pegawai-pegawai Bank itu dan BMF amat "significat" oleh kerana jika pegawai-pegawai Bank itu dan BMF tidak bekerjasama ataupun bermusuhan, Jawatankuasa ini tidak boleh berbuat apa-apa.

Semasa mengumumkan Laporan Sementara Jawatankuasa Siasatan BMF yang diketahui oleh Tan Sri Ahmad Noordin, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah tidak mengumumkan salah satu lampiran atas alasan bahawa pendedahan lampiran itu akan melanggar Akta Bank. Ini tidak boleh diterima sama sekali oleh kerana bagaimanakah Akta Bank boleh digunakan untuk melindungi tindak-tanduk Kumpulan Carrian dan Eda Investment Ltd. yang bertanggungjawab atas kehilangan lebih kurang \$2 billion wang awam. Yang kedua, Akta Bank tidak boleh dipakai atas BMF kerana BMF didaftarkan di Hong Kong. Yang ketiga, yang lebih penting ialah Yang Berhormat Kewangan telah memungkir perjanjian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua hari sebelum itu apabila ia umumkan bahawa Laporan Sementara Pertama mengenai Skandal Pinjaman BMF akan diumumkan dengan penuh dan bahawa tidak ada apa-apa pun akan disembunyikan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

menyatakan bahawa ini adalah satu keputusan Jemaah Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah menerangkan kepada Parlimen dan rakyat mengapa beliau mungkir janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta keputusan Jemaah Menteri untuk menyiarkan dengan sepenuhnya tanpa menyembunyikan apa-apa Laporan Sementara Jawatankuasa Ahmad Noordin?

Adalah dilaporkan bahawa Jawatankuasa Ahmad Noordin telah mengemukakan Laporan Yang Kedua yang dikatakan setebal sekurang-kurangnya dua inci yang lengkap dengan indexnya mengandungi perakuan supaya tindakan diambil terhadap sekurang-kurangnya empat orang bekas eksekutif BMF dan Bank Bumiputra yang terlibat dalam skandal pinjaman tersebut. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa beliau akan menasihatkan Jemaah Menteri supaya Laporan Kedua itu diumumkan kepada orang ramai.

Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan mengapakah perlunya bagi Jemaah Menteri untuk menapis setiap Laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin serta memutuskan sama ada hendak mengumumkan Laporan tersebut kepada orang ramai atau tidak? Dan setakat manakah Laporan itu boleh diumumkan kepada orang ramai? Apakah ini disebabkan kerana Jemaah Menteri dan pemimpin politik takut beberapa daripada laporan itu akan membabitkan pimpinan politik yang sedia ada? Dan apakah atas sebab itu penubuhan sebuah Suruhanjaya Di-Raja ditolak?

Saya ingin menyuara Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan Laporan Kedua Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad

Noordin tanpa berlengah-lengah lagi serta mendapatkan Jemaah Menteri membuat satu keputusan dasar bahawa Laporan-laporan berikutan Jawatankuasa Ahmad Noordin diumumkan kepada orang ramai tanpa memperolehi penapisan dan kelulusan Jemaah Menteri terlebih dahulu.

Walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan telah sering kali mengatakan tidak ada berlaku apa-apa "cover-up" adalah amat tragik sekali bahawa beliau tidak menyedari bahawa tindak-tanduknya berhubung dengan Skandal Pinjaman BMF sejak beliau menjadi Menteri Kewangan pada bulan Julai lalu adalah berbau "cover-up", khasnya ucapan Belanjawan di mana beliau telah mengatakan bahawa Skandal BMF adalah "satu peristiwa yang telah lalu".

Dalam pada ini saya mengecam sekeras-kerasnya kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan lalu yang menuduh orang-orang yang mahukan siasatan terbuka diadakan ke dalam Skandal BMF sebagai didorong oleh keinginan untuk menghancurkan pimpinan politik Melayu. Ini adalah sangat, dengan izin, "unworthy" akan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana ianya akan melucutkan dakwaan bahawa beliau adalah pemimpin bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum sekiranya beliau mengambil sikap yang begitu, dengan izin, "perverse" dan berbau perkauman berhubung dengan Skandal Pinjaman BMF. Sekiranya terdapat sesiapa yang cuba menjahanamkan pimpinan politik Melayu, mereka tak lain dan tak bukan adalah yang bertanggungjawab atas jenayah jijik Skandal Pinjaman \$2.5 billion BMF.

Sungguh malangnya, nampaknya Kerajaan yang hilang rasa, dengan izin, "moral sense of right and wrong"

dengan menganggap pengkritik-pengkritik skandal pinjaman BMF sebagai musuh negara yang lebih dahsyat daripada orang-orang yang menyebabkan Skandal Pinjaman BMF. Saya berharap bahawa kenyataan yang tidak bernilai daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu, dengan izin, "momentary lapse" dan tidak akan diulangi dalam masa depan, baik oleh beliau sendiri, mahupun oleh rakan-rakannya dalam UMNO.

Sejak tercetusnya Skandal Pinjaman BMF Parlimen telah di layani, dengan izin, "shabbily", dinafikan maklumat yang perlu tentang Skandal Kewangan dan Bank yang terbesar dalam sejarah Malaysia. Kerajaan tidak pernah rela memberi maklumat tentang Skandal Pinjaman BMF dalam Parlimen dan sedikit sebanyak yang diketahui tentang BMF telah dipaksa diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kerajaan dengan persoalan-persoalan dan ucapan-ucapan yang dibuat secara bertubi-tubi oleh DAP mengenai perkara ini.

Parlimen hendaklah diberi penghormatan yang tinggi dan harus diberi Laporan "periodic" tentang Skandal Pinjaman BMF dan bukan mendapat tahu tentang perkara ini secara, dengan izin, "bits and pieces" daripada sebilangan laporan akhbar.

Yang Berhormat Menteri Kewangan haruslah jangan menggunakan Parlimen apabila ia selaras dengan apa yang dikehendaki seperti dalam menolak cadangan penubuhan sebuah Suruhanjaya Di-Raja. Sementara pada masa-masa yang lain melayani Parlimen, dengan izin, "utter contempt".

Akhirnya, saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya beliau dipandu oleh kepentingan negara dan mendapatkan Jemaah Menteri bersetuju dengan cadangan sekarang Yang Berhormat Menteri

Pertanian untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di-Raja mengenai Skandal Pinjaman BMF kerana

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, yang itu jangan disebutkan berkenaan dengan Suruhanjaya Di-Raja.

Tuan Lim Kit Siang: Kerana tidak ada jalan lain yang lebih memuaskan untuk mengatasi jenayah jijik Skandal Pinjaman BMF itu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa wang yang diuntukkan bagi Maksud Bekalan 28 dikurangkan sebanyak \$10 berkenaan dengan Kepala-kecil (Kod) 1000, Butiran 1 di muka 153 dalam Anggaran Perbelanjaan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.27 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, dalam dua tahun (1983-1984) DAP telah pun membawa usul-usul yang sama dan serupa seolah-olah untuk mempermain-mainkan masa yang begitu penting di Dewan yang mulia ini hendak memotong gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan sebanyak \$10 sebagai alasan bahawa beliau tidak menjalankan tugas dengan baik.

Saya hendak menasihatkan DAP supaya bersabar. Di dalam tindakan-tindakan yang dilakukan oleh DAP di dalam Dewan yang mulia ini semuanya boleh dikatakan untuk menimbulkan satu suasana yang tidak baik. Saya telah pun menjelaskan di dalam perbahasan semasa menentang Usul untuk menubuhkan Suruhanjaya Di-Raja dahulu bahawa pihak DAP sememangnya hendak melihat, kejatuhan Bank Bumiputra Malaysia Berhad sepertimana juga boleh jadi rakan-rakan DAP di luar negeri di

dalam tulisan di dalam majalah-majalah yang cuba untuk mengaitkan pemimpin-pemimpin Melayu di negara ini, termasuk bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Tuan Pengerusi: Point of order, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Point of order. Yang Pertama ialah untuk "impute improper motive" atau membuat sangkaan jahat. Perkara kedua itu pun boleh menimbulkan sensitiviti antara kaum.

Tuan Pengerusi: Saya minta Ahli Yang Berhormat jangan sebut perkara itu. Silakan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyebutkan juga bahawa memang terdapat majalah-majalah di luar negeri yang cuba untuk mengaitkan. Memang ini bukanlah satu perkara yang menjadi sulit lagi kepada kita, mengaitkan nama pemimpin-pemimpin seperti bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan sehinggalah sampai kepada nama bekas Gabenor Bank Negara dikaitkan.

Apakah alasan yang munasabah tidak diberikan, cuma dikaitkan mengatakan bahawa mereka itu juga terlibat dengan perkara yang disebutkan oleh Skandal BMF itu.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat berkenaan memberitahu Dewan ini apakah majalah-majalah tersebut yang ada mengaitkan bekas Menteri Kewangan dan bekas Gabenor Bank Negara bahawa mereka ada terlibat dalam

Skandal Pinjaman BMF oleh kerana saya tak pernah membaca majalah-majalah tersebut, sungguhpun saya selalu ada membaca majalah-majalah luar negeri. Kalau dia tak boleh menamakan majalah-majalah itu nampaknya beliau reka-reka sahaja, mencipta.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, majalah itu dikeluarkan di Hong Kong.

Tuan Lim Kit Siang: Nama majalah?

Tuan Othman bin Abdul: Nama majalah, saya minta maaf, saya lupa. Tetapi mungkin DAP ini pura-pura.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, di sini mahu sama ada nama atau tidak ada nama.

Tuan Othman bin Abdul: Ada nama, Tuan Pengerusi. Tetapi minta maaf, saya terlupa.

Tuan Pengerusi: Saya ingat, janganlah bertengkar begitu. Jikalau tidak ada nama—terlupa, sila kata terlupa. Biarkan begitu, teruskan ucapan Yang Berhormat itu.

Tuan Othman bin Abdul: Saya telah kata saya terlupa, saya minta maaf. Boleh jadi esok saya boleh beri kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kalau hendak.

Jadi, usul ini sepertimana pembahasan usul BMF yang lalu

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya, kalau Yang Berhormat esok tidak boleh memberi majalah itu bukankah ini satu breach of privilege, sudah bohong dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Biar benda itu sudah berlaku dahulu. Biar perkara itu berlaku dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Kita semua tunggu esok.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Saya kata sabar. DAP sila bersabar. Jangan panas darah. Bila sudah panas darah, cakap tidak tentu arah, orang Kedah kata. Tidak tentu hala.

Di dalam Dewan yang mulia ini pernah Ahli Yang Berhormat pernah membangkitkan perkataan budak-budak kepada Ahli Parlimen Yang Berhormat Parit Buntar kerana membantah usul apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Soal ini pun, masalah main-main di dalam Dewan ini merugikan masa kita semua. Semalam satu usul dibawa. Setengah jam masa berlalu. Kita tidak mahu mendengar perkara-perkara ini semua. Bahkan kita telah melihat kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam mengatakan dia akan meminta Kerajaan untuk mengeluarkan semua isi laporan yang dijalankan oleh Suruhanjaya yang telah ditubuhkan itu setebal dua inci lebih. Kalau sekiranya dalam masalah ini DAP tidak dapat bersabar masalahnya segala tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan akan terlepas begitu sahaja. Sekarang ini pihak Peguam Negara sedang mengkaji dan beliau sendiri DAP mengakui bahawa terdapat empat orang yang kemungkinannya akan didapati bersalah kerana bersabit dengan kes BMF ini.

Soal Pergerakan Pemuda UMNO hendak membangkitkan pendapat, bukan atas nama Menteri. Kalau sekiranya laporan yang kedua itu tidak memuaskan hati, tidak menunjukkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang tertentu, dia tidak meminta untuk menubuhkannya, tetapi jika sekiranya ada rasa tidak puas hati maka Pergerakan Pemuda UMNO telah meminta Kerajaan.

Bukan dia terus meminta untuk ditubuhkan suruhanjaya itu. Fahamlah sedikit Bahasa Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, bolehkah perkara ini dibahaskan oleh kerana ruling bahawa Royal Commission of Inquiry patut di

Tuan Pengerusi: Saya tidak benar dibahaskan berkenaan dengan Penyiasatan Di Raja. Sila ucapkan perkara yang lain-lain.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pun hendaklah berubah kepada tajuk yang lain tetapi

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Tuan Othman bin Abdul: nampaknya DAP ini kurang sabar. Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional mempunyai disiplin. Kita mematuhi arahan ketua. Begitu juga dengan DAP, seperti burung kakak tua, membaca apa yang diarahkan oleh ketua di dalam Dewan yang mulia ini sepertimana yang telah lalu. Kita lihat di dalam membahaskan interim report. Semasa membahaskan usul BMF, mengecam orang-orang yang mengecam tindakan Tan Sri Ahmad Noordin. Selepas itu bila interim report keluar mencaci Tan Sri Ahmad Noordin, laporan yang tidak berfaedah, laporan yang tidak menunjukkan bukti. Apa sikap pun saya tidak faham. Dalam satu keadaan, satu masalah. Kadang-kadang membangkitkan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak minta jalan ataupun minta apa?

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Tuan Pengerusi: Minta jalan. Hendak benar beri jalan ataupun tidak?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi kata tidak beri, saya pun tidak mahu berilah. Tuan Pengerusi. Rugi masa.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Soal ini DAP minta penghargaan kepada Dewan. Penghargaan kita telah beri. Satu hari kita memperuntukkan untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang. Bukankah itu satu penghargaan? Penghargaan itu telah diberikan, masih lagi tidak puashati. Lain kali tidak usahlah membawa usul-usul yang akan hanya merugikan masa ini. Boleh jadi, kalau sekiranya Ahli-ahli Barisan Nasional hendak bawa usul pula kita potong elaun Ketua Pembangkang hingga tinggal \$10.00 apa hendak jadi? Kita boleh bawa lulus. Tetapi kita juga berfikir secara rasional, sebab perkara itu perkara main-main dalam Dewan ini.

Saya membantah sekeras-kerasnya usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang ini kerana ianya laporan kedua yang baru sahaja dikeluarkan, baru sahaja diserahkan kepada pihak Kerajaan masih lagi di dalam kajian Kerajaan. Biasanya DAP akan menunjukkan atau mengarahkan supaya mengkaji sedalam-dalamnya sesuatu masalah yang timbul dalam negara ini. Jika sekiranya masalah ini dikaji dan sedang dikaji dengan cara yang mendalam sekarang ini, DAP hendak kita bantangkan esok. Bercakap tidak serupa yang buat. Inilah perkara yang dilakukan oleh berbagai-bagai cara usaha untuk mencari publisiti murah di dalam Dewan yang mulia ini.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya membantah usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang.

5.24 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, usul yang dibentangkan

oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah wajar kerana skandal dan malapetaka BMF ini telah berlaku. Dan setahu kami semua lebih daripada dua tahun dahulu, kami sering berbangkitkan di sini semenjak Belanjawan yang bagi tahun 1983 lagi dan sering kali dinafikan oleh sahabat handai Yang Berhormat dari Ulu Muda. Inilah satu hakikat dan kenyataan.

Menurut usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, kami dari DAP hendak mengetahui sama ada janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan terutamanya dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sama ada janji ini akan dikotakan.

Soal tempoh dan masa itu lama sudah. Dan kalau kita membaca kenyataan daripada Pemuda UMNO, kita boleh meneliti bahawa mereka pun tidak sabar sekarang. Yang penting sekali soalan yang telah dibangkitkan sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri ialah mengapa Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang dilantik sebagai Menteri Kewangan. Adakah ini merupakan satu langkah untuk menyembunyikan skandal BMF. Itu soalan yang pokok dan Yang Berhormat Menteri Kewangan terpaksa menjawab soalan ini. Sebagai salah satu Menteri yang penting bagi Kerajaan Malaysia kerana ke atas inilah bergantung kepercayaan rakyat Malaysia dan orang-orang asing terutamanya pihak bank di negara-negara asing yang setakat ini di kalangan bank-bank sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri. Mereka meragui keupayaan Bank Bumiputra dan keupayaan Menteri Kewangan untuk menyelesaikan skandal ini. Dengan keadaan yang sedemikian patutlah kita mengurangkan gajinya sebanyak \$10.00 sebagai peringatan kepadanya supaya menjalankan tugas dengan

betul kerana kita hendak mengetahui siapa yang benar-benar bertanggungjawab untuk meluluskan pinjaman-pinjaman raksaksa ini kepada pihak di Hong Kong dan mungkin di negeri yang lain.

Dan kita hendak mengetahui pinjaman-pinjaman yang raksaksa ini, sekurang-kurangnya \$2.5 billion ini, digunakan untuk maksud apa, untuk melabur di Hong Kong sahaja atau untuk harta benda di Hong Kong ataupun untuk maksud yang lain? Setakat ini kita tidak mengetahui dengan berlakunya skandal ini wang begitu besar digunakan untuk maksud apa ataupun untuk berbagai maksud, sama ada ianya digunakan untuk spekulasi. Kalau ia, spekulasi ini merupakan spekulasi apa yang memerlukan wang yang begitu besar.

Dengan hakikat dan kenyataan inilah saya menyokong usul daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sekian, terima kasih.

5.32 *ptg.*

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman (Parit Buntar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menentang dengan sekeras-kerasnya usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya menganggap usul ini adalah usul seperti usul seorang budak-budak, kerana ini adalah merupakan Parlimen, satu institusi ataupun satu badan yang tertinggi di negara kita, ini bukan Parlimen kanak-kanak. Kerana memotong \$10 itu adalah merupakan sebagai suatu petanda sahaja yang mana kalau lihat daripada \$10 itu maknanya kita hendak beli alat mainan kanak-kanak. Sebab itulah saya anggap bahawa usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini sebagai usul seorang budak seolah-olahnya

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Adakah usul untuk memotong

\$10 satu peruntukan budak-budak atau fikiran itu fikiran budak-budak?

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: On a point of order apa?

Tuan Lim Kit Siang: Saya bertanya Tuan Speaker. Awak bukan Tuan Speaker.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun tadi atas point of order apa itu?

Tuan Lim Kit Siang: Minta satu ruling daripada Tuan Speaker sama ada usul untuk memotong \$10 adakah ini suatu usul budak-budak ataupun peruntukan ini Parliamentary Convention budak-budak, dan kalau bukan, bukankah orang yang mengeluarkan fikiran itu seorang fikiran budak-budak.

Tuan Pengerusi: Saya ingat, itu bukanlah satu permohonan yang patut diberi ruling. Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar itu mengatakan satu perbuatan budak-budak, dia berhak berkata demikian. Jadi, yang demikian tidak dikendaki apa-apa ruling.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Cukuplah. Sila minta teruskan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Terima Kasih, Tuan Pengerusi. Daripada usul yang dibawa ini, Tuan Pengerusi, tidak lain tidak bukan ialah untuk menimbulkan soal masalah BMF. BMF ini seperti yang kita tahu bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun membuat janjinya iaitu untuk mengambil tindakan kepada siapa yang terlibat dan inilah juga yang sentiasa dilaung-laungkan oleh Ahli-ahli daripada Barisan Nasional. Jadi, tak usahlah Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyatakan tempoh itu lama ataupun sekejap sahaja kerana memang kalau perkara yang sulit, perkara yang

sangat besar kita mesti menyiasat dengan sebenar-benarnya supaya mereka ataupun petualang yang terlibat dapat dibawa ke mahkamah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan bahawa kemungkinan Menteri Kewangan yang baharu dilantik ialah untuk menutup sesuatu yang berlaku tetapi bagi pihak Kerajaan saya rasa yang mengamalkan bersih, cekap dan amanah sekarang ini kalau silap, kalau salah walaupun di mana mereka berada tetap akan diambil tindakan dan kita mempunyai keyakinan kepada Kerajaan sekarang kerana daripada langkah-langkah yang diambil memang pada pandangan kita akhirnya mereka yang terlibat akan dapat dibawa kemuka pengadilan. Jadi, Tuan Pengerusi, tidak payahlah Ahli Yang Berhormat dari Kepongkah, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melakakah hendak bagi ingat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan ataupun kepada Kerajaan kita. Kerajaan kita memang telah dipilih oleh rakyat dan tetap mengambil tindakan kepada pihak yang berkenaan. Maka dengan ini, saya menentang dengan sekeras-kerasnya usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendak jawab?

5.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Pengerusi, saya ingat hendak dengar lagi tadi tetapi kalau jawab pun baik juga kerana ini dapat menyelamatkan masa kita.

Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak tahulah apa yang hendak saya perkatakan mengenai perkara ini, kecuali memperkatakan hujah yang sama dalam bahasa yang lain. Sebab selalu sangat perkara ini dikemukakan

oleh pihak Pembangkang, terutama sekali Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri. Malah usulnya yang hendak memotong \$10 dari gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan ini sebenarnya hanyalah sebagai alasan untuk mendapat peluang bercakap sekali lagi tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kita harus faham bahawa penyiasatan yang sedang dijalankan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada tiga orang ini masih berjalan lagi. Laporan awal pertama yang telah diumumkan itu sebagai laporan awal sememangnya tidak memberi keterangan sepenuhnya mengenai perkara ini, sebab laporan itu hanya menitikberatkan satu daripada aspek-aspek penyelidikan sahaja yakni lebih mementingkan jumlah yang sebenar yang telah terlibat di dalam pinjaman ini.

Laporan Sementara kedua ini sebenarnya baharu dalam masa 10 hari atau dua minggu yang sudah sahaja, salinannya telah diberi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada Peguam Negara dan juga kepada Bank Bumiputra. Seperti yang telah dinyatakan oleh Peguam Negara sendiri bahawa beliau kini masih mengkaji laporan itu dan meneliti sama ada pihak-pihak tertentu akan dibawa ke mahkamah ataupun tidak. Kalau sudah dapat keterangan seperti itu oleh Peguam Negara sendiri tetapi masih lagi pihak Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak menimbulkan perkara ini lagi, saya sendiri tidak fahamlah sikapnya yang begitu, sengaja untuk menyakitkan hati, tidak ada tujuan sebenar selain daripada untuk mendapatkan cheap publicity. Ertinya, kalau sekiranya Kerajaan menyelesaikan masalah ini nanti sudah tentulah pada pandangan DAP dengan desakan merekalah kononnya perkara ini diselesaikan.

Tuan Pengerusi, apabila laporan ini lengkap tetapi waktu itu didapati tidak memuaskan, saya rasa barulah barangkali sesuai bagi sesiapa mengemukakan rasa tidak puas hati ataupun rasa perasaan-perasaan yang lain mengenai perkara ini.

Sebelum saya menjawab hujah-hujah yang diberikan oleh Ahli dari Kota Melaka, saya amat tertarik hati dengan satu perkara yang disebut oleh Yang Berhormat berkenaan sewaktu membentangkan usul ini tadi, yang kononnya Ahli-ahli Wakil Rakyat dari Barisan Nasional tidak mahu berkata benar oleh sebab tata-tertib parti, yang mana beliau kononnya berasa hairan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebab ada tata-tertib inilah maka hinggakan sekarang, dahulunya Perikatan dan sekarang ini Barisan Nasional dapat memerintah lagi (*Tepuk*) dan saya percaya dengan adanya tata-tertib parti inilah kita akan memerintah seumur-seumur (*Tepuk*), malah parti DAP pun cuba berbuat demikian. Ini terlihat sewaktu mereka berdrاما keluar 2-3 minit atas arahan Ketuanya, agak saya, apabila seorang daripada Ahli mereka digantung, keluar 3 minit dan masuk kembali. Itu macam budak-budaklah, anak saya pun kadangkala berbuat demikian (*Tepuk*), apabila saya marah, dia keluar sekejap, kemudian masuk balik. Itu perbuatan, rasa saya yang menunjukkan satu perkara yang menghairankan juga. Walau bagaimanapun saya sendiri kagum juga dengan sikap itu, sebab itu menunjukkan tata-tertib, apabila ketua suruh buat, walaupun perbuatan itu menggelikan hati orang lain, dia buat juga (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyebut tentang perkara yang telah disebutkan oleh Pengerusi Jawatankuasa itu sendiri

yang mana orang ramai (public) tidak patut mempunyai harapan yang tinggi terhadap perkara ini. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, barangkali sebagai seorang yang amat dipercayai dari segi ini, sebagai seorang yang tidak mahu menunjuk-nunjukkan kuasanya sebagai Pengerusi, sudah tentulah beliau tidak mahu kononnya apa yang beliau buat itu nanti akan menyenangkan tiap-tiap orang.

Kita dari Kementerian Kewangan, Tuan Pengerusi, telah memberi kebenaran kepada Pengerusi Jawatankuasa ini untuk mendapatkan segala maklumat. Ini satu kebenaran khusus yang telah diberi oleh Menteri Kewangan kepada Pengerusi Jawatankuasa ini iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Noordin untuk memeriksa segala fail-fail berkaitan dengan sesiapa sahaja yang Pengerusi Jawatankuasa ini memikirkan perlu diperiksa di Jabatan Hasil Dalam Negeri. Jadi kalau sekiranya kuasa seperti ini diberi, maka tidak ada lagi masalah yang boleh kita timbulkan bahawa Jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa-kuasa tertentu, malah pada pandangan saya kuasa yang diberi kepada Jawatankuasa ini sudah cukup untuk memastikan bahawa segala penyiasatan yang perlu dibuat, boleh dibuat. Berkenaan dengan orang-orang tertentu, sama ada Jawatankuasa dan Pengerusinya mengesyaki ataupun mendapati seseorang itu telah menggunakan kuasanya dengan cara yang salah ataupun mengesyaki seseorang itu, Yang Berbahagia Pengerusi Jawatankuasa ini boleh membuat penyelidikan fail-fail di Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Jadi saya tidak nampak, Tuan Pengerusi, mengapa perkara ini dibangkitkan bertalu-talu. Barangkali kalau ada lagi peluang pada kali yang lain, saya percaya ini bukannya merupakan kali yang terakhir yang

akan dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Jadi itulah, Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi tidak dapatlah saya memberi hujah-hujah selain daripada terpaksa mengulang semula kerana kita telah memberi alasan-alasan yang cukup kuat sewaktu menentang usulnya ini yang telah dibawa di dalam Dewan ini juga tidak beberapa hari yang lalu, yang mana ianya telah pun ditolak oleh Dewan ini. Maka dengan itu sekali lagi saya berharap Yang Berhormat dari Kota Melaka seharusnya tidak usah menghabiskan masa Dewan kita ini dengan selalu sangat menyebutkan perkara ini untuk "political milage", dengan izin, sebab insya Allah, sekali lagi kita beri akuan bahawa kalau sekiranya terdapat sesiapa yang terlibat di dalam perkara ini dan sesiapa yang terlibat ataupun menyalahgunakan kuasanya, sudah tentu mereka itu akan dibawa ke pihak pengadilan.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya tidak nampak bagaimana usul untuk memotong gaji dari Yang Berhormat Menteri Kewangan ini dapat dipertimbangkan sedikit pun. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini bukan "substantive motion", tidak payah digulung. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, bahawa wang yang diuntukkan bagi Maksud B. 28 dikurangkan sebanyak \$10 berkeenaan dengan Kod 1000, Butiran 1.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang sejumlah \$6,397,800 untuk Maksud B. 28 jadi sebahagian daripada Jadual sekarang ini terbuka sekali lagi untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.59 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 155, Butiran 3.4 mengenai perkara Pinjaman Perumahan.

Berhubung dengan perkara Pinjaman Perumahan, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menggesa Kerajaan supaya menimbang untuk menyemak semula Skim Pinjaman Perumahan untuk kakitangan awam. Skim Pinjaman Perumahan yang diperkenalkan pada tahun 1970 yang dilaksanakan hasil daripada Laporan Suruhanjaya Suffian masih belum memberi faedah kepada sebahagian besar kakitangan awam, terutamanya golongan berpendapatan kecil dan sederhana. Jumlah pinjaman tidak mencukupi untuk membeli rumah, malah jika pinjaman ditambah, kakitangan itu akan menghadapi kesusahan untuk membayar semula pinjaman dalam tempoh 25 tahun dengan kadar faedah 4% dikenakan ke atas pinjaman asal. Rumah-rumah kos rendah dijual dalam lingkungan \$25,000 ke \$29,000 bergantung kepada tempat.

Kebanyakan pekerja kategori rendah mendapat pinjaman sebanyak \$10,000 ke \$36,000. Oleh itu, ianya tidak dalam kemampuan mereka untuk membeli rumah kos rendah. Pekerja yang mengambil pinjaman \$25,000 terpaksa membayar satu ansuran bulanan sebanyak \$135/-. Mereka menghadapi kesusahan untuk menyara hidup dari baki gaji mereka. Pekerja dalam Divisyen Tiga iaitu kumpulan sederhana berpendapatan rendah, berhak atau layak mendapat pinjaman setinggi-tingginya \$90,000. Tetapi sebuah rumah teres berharga lebih kurang \$100,000 sementara harga rumah teres dua tingkat dalam lingkungan \$140,000, juga bergantung kepada tempat. Bayaran balik pinjaman berjumlah lebih \$500

sebulan untuk selama 25 tahun. Ianya tidak dalam kemampuan mereka untuk membayar semula melainkan suami atau isteri mereka juga bekerja atau mereka mempunyai lain-lain punca pendapatan. Dengan ini skim pinjaman perumahan tidak berfaedah kepada keseluruhan pekerja awam dalam Kumpulan C dan D.

Memandangkan masalah ini, saya ingin menggesa Kerajaan supaya melaksanakan cadangan Suruhanjaya Suffian supaya memberi tanah kepada kadar yang rendah kepada mereka yang berkelayakan untuk mendapatnya. Kerajaan boleh membantu dengan mengambil balik tanah dan memberikan kemudahan asas seperti jalanraya, perparitan, pembedungan air dan elektrik. Kemudian pekerja awam itu boleh membina sendiri rumah itu atas Kemampuan mereka. Kerajaan masih belum melaksanakan cadangan itu meskipun skim pinjaman perumahan disifatkan sebagai tidak realistik. Demokrasi pemilikan rumah mestilah dijadikan kenyataan jika Kerajaan boleh secara serius menimbang untuk membantu kumpulan berpendapatan rendah dan menengah dengan memberi satu elaun pembelian rumah, satu tuntutan yang dibuat tidak lama dahulu supaya pekerja boleh membayar semula hutang-hutang yang diperolehi dari institusi kewangan yang lain.

Tuan Pengerusi, atas tajuk Pinjaman Perumahan ini juga, saya ingin merujuk kepada satu laporan akhbar baru-baru ini, bahawa sebuah sindiket palsu berpusat di Kelang yang telah menggunakan Surat Perjanjian Jual Beli Rumah yang palsu yang telah berjaya mengeluarkan lebih \$1 juta wang caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Ada dilaporkan di dalam akhbar bahawa penemuan yang dibuat oleh KWSP apabila mereka menjumpai beberapa salinan photostat dokumen

yang telah dipalsukan. Kerajaan hendaklah mengambil satu pandangan yang serius mengenai perkara ini dan pihak polis hendaklah sedaya upaya menyiasat ke dalam sindiket yang dilaporkan itu dan menangkap semua penipu dan menghadapkan mereka ke muka pengadilan. Wang KWSP yang dipunyai oleh pencarum yang berjumlah lebih daripada 4.2 juta orang pada hari ini, dan adalah tidak bermoral sesiapa yang menipu KWSP dengan membuat pengeluaran wang secara palsu. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk melindungi kepentingan semua pencarum dan dalam hubungan ini, saya suka menegaskan di sini kepada semua yang bertanggungjawab ke atas siasatan supaya jangan meninggalkan seorang pun daripada didakwa.

Penubuhan sebuah unit penyiasat di Ibu Pejabat KWSP untuk memeriksa semua permohonan palsu berhubung dengan pengeluaran wang untuk membeli rumah, adalah satu langkah dalam arah yang betul dan mulai sekarang, pihak KWSP hendaklah mengetatkan semua langkah yang ada, berhubung dengan pengeluaran wang, dengan tujuan untuk mencegah kejadian seperti itu berulang lagi.

Mengenai KWSP itu juga, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan bahawa Akta Kumpulan Simpanan Pekerja hendaklah dipinda dengan tujuan untuk memberi lebih banyak faedah kepada pencarum-pencarum. Pencarum KWSP hendaklah boleh mengeluarkan wang simpanan mereka bukan sahaja untuk membeli rumah dan membayar gadai janji, tetapi juga bagi maksud pelajaran dan pelaburan. Dalam hubungan ini, pada pandangan saya bahawa pencarum-pencarum KWSP hendaklah dibenarkan mengeluarkan sehingga \$10,000 daripada jumlah simpanan mereka untuk melanjutkan pelajaran anak-anak mereka supaya lebih ramai ibu

bapa boleh menghantar anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran di maktab-maktab atau universiti-universiti tempatan. Bagi membantu pencharum-pencharum menceburkan diri ke dalam bidang perniagaan, maka Akta KWSP hendaklah dipinda bagi membenarkan pencharum-pencharum mengeluarkan 1/3 daripada simpanan mereka pada umur 45 tahun dan bukan 50 tahun atau sebaliknya satu pindaan hendaklah dibuat bagi membolehkan pencharum-pencharum KWSP mengeluarkan wang mereka sehingga \$10,000 daripada jumlah simpanan mereka bagi digunakan sebagai modal jika mereka hendak menceburi ke bidang perniagaan. Walaupun KWSP pada dasarnya ialah sebuah institusi simpanan wang untuk para pencharumnya, berbagai pembaikan hendaklah dibuat dari masa ke semasa kepada kumpulan KWSP dengan tujuan untuk membolehkan lebih banyak faedah dapat diberikan kepada pencharum-pencharum menerusi simpanan mereka di dalam institusi ini.

Tajuk yang kedua yang saya ingin menyentuh di sini ialah di muka surat 153, Maksud Bekalan 28—Perbendaharaan, Butiran 1—Pentadbiran Am, 1.2—Perkhidmatan Kawalan.

Berhubung dengan perkara pentadbiran dan kawalan kewangan, saya suka membangkitkan perkara untuk meminta perhatian Bank Negara dan sektor Bank supaya dapat membantu menyelesaikan penderitaan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga tulin yang jujur yang sering menjadi mangsa kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab mengenai perkara cek-cek melambung (dishonouredcheque), semasa menguruskan perniagaan mereka. Saya percaya Kerajaan amat sedar tentang hal ini. Yang menjadi masalah utama dihadapi oleh kalangan peniaga

kita pada hari ini ialah kewujudan masalah cek melambung yang meninggalkan implikasi serius ke atas pertumbuhan dan perkembangan sektor perniagaan.

Masalah cek melambung sering berlaku dan ini mengakibatkan kesan serius ke atas perniagaan biasa. Walaupun adalah difahamkan bahawa urusanniaga pada keseluruhannya adalah satu soal kepercayaan yang begitu penting dalam kejayaan sistem ekonomi yang bebas, tetapi sesuatu mestilah dilakukan untuk memberhentikan amalan orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang begitu suka mengeluarkan cek melambung dan masih boleh melarikan diri dengan mudahnya. Walaupun saya sedar bahawa Persatuan Bank-bank dalam percubaannya untuk mengatasi masalah ini telah memutuskan untuk menaikkan denda dari \$5 ke \$50 kepada mereka yang mengeluarkan cek melambung, tetapi ini tidak mencukupi oleh kerana masalah ini masih berleluasa berlaku. Saya terpaksa menegaskan di sini bahawa orang yang menderita, terutamanya semasa tempoh kemelesetan ekonomi ini ialah peniaga-peniaga tulin, kerana mereka tidak boleh berbuat sesuatu kecuali menanggung kerugian.

Saya rasa masanya telah sampai bagi Kerajaan supaya menimbang kesusahan mereka dan berbuat sesuatu untuk melindungi kepentingan mereka terhadap mereka yang mengambil kesempatan daripada kelemahan sistem kewangan dan bank kita pada hari ini yang terus menerus mengeluarkan cek-cek melambung. Jika kepentingan mereka boleh dipelihara, mereka boleh meneruskan usaha mengembangkan perniagaan mereka dan dengan ini boleh membantu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Saya suka mencadangkan di sini bahawa Bank Negara dan Persatuan-persatuan Bank di negara kita hendaklah membuat usahasama bagi mengatasi masalah ini. Satu langkah yang boleh diambil ialah satu bentuk pencegahan terhadap pengeluaran cek-cek melambung ialah untuk bank bagi Bank Negara hendaklah mengarahkan Persatuan Bank supaya melaksanakan satu sistem yang boleh dilaksanakan oleh berbagai bank perdagangan yang mengkehendaki semua ahli perniagaan mempunyai rekod yang buruk di dalam mana-mana bank supaya disenarai hitam dan tidak dibenarkan membuka akaun semasa di mana-mana cawangan bank yang sama atau yang lain.

Pengertian rekod baik buruk boleh ditentukan menerusi satu garis panduan yang akan dirumus oleh Bank Negara dan Persatuan Bank-bank. Jika sistem ini boleh diadakan dan diusahakan oleh satu unit khas yang dibentuk oleh Persatuan Bank-bank bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan, adalah perlu ditegaskan di sini bahawa perkara kepentingan perniagaan atau peniaga-peniaga tulin diperindungi, bank-bank akan tidak susah untuk mengutip faedah dan hutang daripada pelanggan dan ini tentunya akan menyumbang kepada satu suasana kewangan yang sihat dan baik untuk pertumbuhan dan perkembangan sektor perniagaan yang diperlukan oleh pertumbuhan ekonomi negara.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh perkara mengenai Kastam dan Eksais Di-Raja. Di sini saya suka merujuk kepada perkara pengutipan cukai perkhidmatan. Semasa membahaskan Belanjawan tahun 1984 baru-baru ini, saya telah menyentuh mengenai perkara cukai perkhidmatan 10% yang dikenakan ke atas mereka oleh Kerajaan sekarang.

Tuan Pengerusi, saya merasa dukacita menyatakan di sini bahawa

meskipun rayuan-rayuan telah dibuat oleh pengusaha-pengusaha restoran yang terlibat menerusi persatuan mereka, tetapi pihak Menteri Kewangan dan Kementerian yang berkenaan sendiri tidak menimbang langsung rayuan mereka dan masih terus mengenakan 10% cukai perkhidmatan. Sejak dikenakan cukai perkhidmatan 10%, para pengusaha pusat makanan yang terletak di luar hotel masih terus melahirkan kebimbangan dan kedukaan mereka dan jika cukai perkhidmatan 10% itu tidak disemak semula, maka ianya akan memberi kesan yang serius ke atas perniagaan mereka. Banyak restoran kecil dan sederhana yang sering dilanggan oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana juga yang terlibat dan banyak rumah kopi dan kedai makanan yang popular di Kuala Lumpur yang menjadi pusat makanan oleh orang ramai sebagai satu contoh restoran-restoran Kentucky Chicken ataupun McDonald's adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan 10% ini. Penganan cukai perkhidmatan 10% ke atas pusat-pusat makanan ini telah menjejaskan perniagaan kerana bilangan pelanggan semakin berkurangan dan merasakan bahawa cukai perkhidmatan itu sebagai satu beban tambahan kepada mereka apabila dijumlah ke dalam kira-kira makanan mereka.

Di sini saya suka mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa makanan di luar bukanlah satu kemewahan kepada keseluruhan keluarga di Malaysia yang pergi ke restoran kecil dan sederhana bagi mendapatkan hidangan makanan biasa sebagaimana mereka mendapati sukar untuk memasaknya di rumah. Mengenakan cukai perkhidmatan 10% ke atas mereka adalah tidak adil.

Saya juga ingin menjelaskan di sini, bahawa banyak pusat makanan kecil dan sederhana seperti restoran dan

rumah kopi yang terletak di luar hotel bergantung kepada orang-orang biasa untuk perniagaan mereka. Jika golongan pelanggan seumpama ini tidak lagi berkunjung ke kedai atau restoran mereka disebabkan oleh cukai perkhidmatan 10%, maka perniagaan mereka akan menerima akibat yang serius dan banyak pula yang ditutup kerana tidak berupaya meneruskan perniagaan mereka.

Saya suka menggesa Kerajaan supaya memberikan pertimbangan serius kepada keadaan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha restoran dan kedai makanan kecil di luar hotel dan bertindak seperti berikut:

- (i) mengurangkan cukai perkhidmatan daripada 10% misalnya ke 5% dengan tujuan untuk memberi sedikit nafas kepada pusat-pusat makanan yang terlibat dan juga membantu mengurangi beban kewangan yang dipikul oleh orang ramai yang makan di luar; atau
- (ii) menaikkan paras jumlah jualan tahunan dari \$500,000 ke \$1 juta supaya banyak restoran kecil dan sederhana terkeluar atau tidak termasuk dalam syarat cukai perkhidmatan.

Maka dengan ini, saya mengucapkan terima kasih.

6.05 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, di dalam perbahasan kali kedua ini saya ingin menyentuh Maksud B. 28, Butiran 1—Pentadbiran Am, muka surat 153 bersama-sama dengan Butiran 1.2—Perkhidmatan Kawalan dan Butiran 2.1 mengenai Pengurusan Belanjawan muka surat 154.

Perbendaharaan Negara adalah merupakan satu nafas yang mustahak terhadap pengawasan wang negara, dengan itu saya merasa penting bagi

Kerajaan untuk mengawasi perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan oleh semua Agensi-agensi Kerajaan, Badan-badan Kerajaan, Badan Berkanun dan juga Off Budget Agencies perlulah mendapat pengurusan belanjawan yang sempurna supaya ianya tidak terjadi perbelanjaan-perbelanjaan yang mungkin akan membazir wang negara.

Saya mengakui sememangnya adalah sukar bagi Kerajaan untuk mengawasi 100% keadaan perbelanjaan semua agensi-agensi Kerajaan kerana ianya adalah besar dan sukar seperti saya nyatakan untuk pengawasan dengan sebab itulah maka kita dapati pada setiap Kementerian, pada setiap Jabatan, pada setiap agensi Kerajaan diadakan seorang Pegawai Pengawal bagi mengawasi, menjaga ataupun untuk mengawal perbelanjaan-perbelanjaan bagi Kementerian, bagi Jabatan ataupun agensi yang dibawahnya.

Semenjak saya melihat meneliti mengenai Penyata Kewangan bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya hendak contohkan, disebabkan saya baru melihat satu kerana hanya setakat ini satu itulah Penyata Kewangan yang baru dimasukkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk tatapan Ahli Dewan untuk melihat, membincang sedikit sebanyak. Daripada Penyata Kewangan bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1982 terdapat banyak keraguan-keraguan mengenai perbelanjaan-perbelanjaan yang telah pun dibuat dan pertanyaan-pertanyaan Juru Audit Negara yang tidak dijawab dengan baik dan langsung tidak dapat jawapan daripada Pegawai Pengawal Kewangan itu.

Saya rasa inilah sebahagian daripada tugas Kementerian Kewangan melalui perkhidmatan kawalan dan pengurusan belanjawan ini untuk memperbaiki, untuk melihat

perkara-perkara yang perlu diberikan kepada Pegawai Pengawal atau pegawai-pegawai yang ditugas untuk menjaga kewangan negara ataupun kewangan bagi sesuatu badan yang mana ianya ditugaskan. Walaupun saya dapati terdapat Arahan Perbendaharaan ataupun Treasury Instructions dengan izin, Tuan Pengerusi, tetapi hanya ianya tidak begitu banyak dipakai.

Misalnya, Pegawai Pengawal diminta untuk mengirim satu penyata tunggakan hasil bagi sesuatu masa atau sesuatu tahun kepada Bendahari Negeri dengan satu salinan kepada Ketua Audit Negara, tetapi perkara itu telah tidak dibuat, saya contohkan negeri Pulau Pinang sebanyak 9 buah agensi Kerajaan dan ini termasuk satu Pejabat Tanah di Pulau Pinang tidak berbuat demikian. Ini suatu hal yang penting bagi pihak Kerajaan untuk merangka, untuk mengkaji bagaimanakah peraturan-peraturan yang perlu dibuat bagi mengutip tunggakan hasil itu, tetapi ini telah tidak dilakukan dengan begitu sempurna, ini satu contoh bagi satu negeri, saya tidak dapatlah hendak memikirkan bagaimanakah keadaannya bila saya bandingkan 13 buah negeri, berpuluh-puluh buah Kementerian lebih daripada 22 buah Kementerian dan beratus-ratus agensi Kerajaan yang lain, yang mungkin tidak sempurna di dalam pengurusan kewangan bagi badan-badan itu. Jadi satu langkah Kerajaan mestilah diambil dengan tegas, pihak Kementerian hendaklah melihat dan merangka, satu contoh yang paling kecil saya ambil bagi negeri Pulau Pinang ini, misalnya tunggakan-tunggakan bil telefon bagi tahun 1979 dan 1981 sebanyak \$385,497 telah tidak dijelaskan, walaupun mengikut audit peruntukan itu telah diadakan, soalnya mengapakah pembayaran itu tidak dibuat?

Ini menunjukkan kurang kecekapan ataupun tidak memandang berat

tentang perbelanjaan-perbelanjaan yang perlu dijelaskan oleh sebuah negeri ataupun lain-lain agensi Kerajaan. Inilah yang saya hairan. Mengikut penjelasan pihak audit, hanya sebanyak \$51,895 sahaja daripada tunggakan lebih daripada \$300,000 itu dijelaskan. Saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan apakah tindakan-tindakan Kerajaan bagi memastikan bahawa semua pertanyaan-pertanyaan audit ini dijawab dengan kadar yang segera bagi memperlihatkan bahawa tidak ada perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak perlu, perbelanjaan-perbelanjaan yang membazir, perbelanjaan-perbelanjaan yang mungkin dilakukan sewenang-wenangnya oleh orang-orang yang tertentu di dalam usaha ini, tetapi langsung tidak diindahkan oleh Pegawai-pegawai Pengawal ini dan ada juga Badan Kerajaan yang langsung tidak menyerahkan Penyata Kewangan untuk disemak oleh pihak Audit Negara.

Misalnya, Negeri Pulau Pinang lagi yang saya baca, terdapat 7 agensi yang tidak menyerahkan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit daripada tahun 1978, akaun bagi tahun 1978. Saya hendak sebutkan, misalnya bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sejak tahun 1978 hingga 1981 tidak diserahkan; Majlis Perbandaran Pulau Pinang tahun 1981; Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sejak tahun 1981; Majlis Perbandaran Seberang Perai tahun 1981; Pihak berkuasa Air Pulau Pinang tahun 1981; Kumpulan Basiswa Kecil Negeri tahun 1981 dan Kumpulan Basiswa Sekolah Penang Free tahun 1981 tidak menyerahkan Penyata Kewangan untuk disemak atau diperiksa oleh pihak Juru Audit Negara. Jadi, kalau mengikut pengalaman sedikit sebanyak di dalam Kerajaan dahulu memang menyalahi

Arahan Perbendaharaan. Jadi, tindakan bagi membaiki adalah perlu. Ini saya sebutkan baru satu.

Saya sebutkan bahawa soal hendak menjawab pertanyaan audit ada yang tidak dijawab sehingga 5 tahun. Misalnya bagi Pejabat Tanah Seberang Perai Utara sejak tahun 1977, soalan-soalan bagi tahun 1977-7 tahun sehingga sekarang tidak dijawab dan Pejabat Tanah Seberang Perai Selatan sejak tahun 1978; Jabatan Kerjaraya Negeri tahun 1977 dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang sendiri sejak tahun 1979. Ini melambangkan satu bentuk pentadbiran kewangan yang sememangnya tidak cekap.

Saya menyeru sekali lagi pihak Kerajaan supaya dapat mengambil tindakan-tindakan yang sempurna bagi mengawasi perkara ini. Saya tahu memang ada terdapat arahan supaya Badan-badan Kerajaan untuk menyediakan laporan kewangan tiap-tiap suku tahun (quarterly report), apa sudah jadi dengan perkara ini. Kalau sekiranya tiap-tiap Badan Kerajaan itu menyediakan laporan tiap-tiap suku tahun ini untuk up-datekan akaun kewangannya, saya yakin bahawa perkara ini tidak berlaku. Jadi, tiap-tiap hujung tahun kira-kira boleh ditutup dengan sempurna. Jadi, perkara ini perlulah dikemaskan. Saya hendak meminta daripada pihak Kerajaan supaya dapat memperkemaskan Laporan Belanjawan dan Perbelanjaan suku tahun ini supaya tidak membebankan Pegawai Pengawal tiap-tiap hujung tahun untuk membuat kira-kira yang perlu diaudit oleh pihak Audit Negara.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya telah meneliti sebanyak 7 penyata kewangan bagi Badan-badan berkanun yang telah dibawa masuk ke dalam Dewan yang mulia ini, di antaranya ialah Institut Teknologi MARA tahun 1977; FAMA; Lembaga

Urusan dan Tabung Haji bagi tahun 1983, MARDI bagi tahun 1982; KADA tahun 1980; FELCRA tahun 1982 dan LPP bagi tahun 1982. Keadaannya, teguran-teguran audit yang boleh dilihat dengan jelas bahawa beberapa perbelanjaan yang tidak mendapat kelulusan, yang tidak disertakan dengan bil-bil dan baucer yang sempurna.

Saya hendak tunjukkan perkara-perkara ini supaya jelas bagi pihak Kerajaan dapat memikirkan berapa banyakkah wang Kerajaan yang akan diminta untuk dihapus kira (write-off) pada setiap tahun, ini banyak. Misalnya, FELCRA dalam tahun-tahun 1980, 1981, 1982 sejumlah \$105,464 perbelanjaan yang tidak disokong dengan resit-resit dan baucer seperti yang diperlukan, \$100,000 lebih bagi 3 tahun berkenaan. Kita nampak sedikit, ini bagi satu agensi Kerajaan sahaja. Ini tidak termasuk lain-lain Pengawal Kewangan, seperti pemberian pinjaman dan kutipan balik pinjaman yang begitu tidak sempurna dan perjanjian-perjanjian pinjaman motokar yang tidak ditandatangani, yang tidak dapat disahkan. Ini menyebabkan beberapa kekeliruan ataupun beberapa sangkaan yang tidak baik terhadap Badan ini.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak masuk Institut Teknologi MARA yang pernah saya sebutkan semasa membahaskan ucapan Belanjawan dahulu, ini laporan tahun 1977, bukan tahun 1983. Laporan tahun 1977 dibawa masuk ke Dewan ini pada tahun 1983 untuk tatapan kita. Ini satu institusi pelajaran yang mengajar para pelajarnya untuk menyimpan kira-kira dengan baik, inilah satu contoh yang amat tidak sesuai, seolah-olah ketam menyuruh anaknya berjalan betul, sedangkan laporan kewangan sendiri tidak dapat disempurnakan dengan baik. Pada tahun 1973, 1974, 1975, 1976, 1977 mempunyai sejumlah

\$1,798,532 bayaran yang tidak diakui kerana baucer-baucer tidak diserahkan untuk pemeriksaan audit; \$1.7 juta dalam masa 5 tahun—banyak, ini akan diminta untuk dihapus kira begitu sahaja.

Saya hendak sentuh sedikit mengenai FAMA bagi laporan tahun 1980 sahaja. Dalam tahun 1980 sahaja. Tuan Pengerusi, tidak kurang dari \$270,000 perbelanjaan yang tidak disokong dengan resit wang Kerajaan.

Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang kita mengharapkan sebagai satu Badan yang dapat menjadi contoh kepada lain-lain Badan, laporan tahun 1983 menunjukkan satu jumlah yang besar, iaitu \$47,919,142 nilai saham yang tidak didaftarkan, balik semaklah kepada penyata Tabung Haji bagi tahun 1983. Jika tidak didaftar, maka tak dapat dividenlah. Ini satu perkara yang saya rasa tidak harus berlaku. Daripada jumlah \$47.919 juta itu, \$3.636 juta dilaburkan dalam 6 buah syarikat, sehingga kini masih belum mengeluarkan dividen, sudah berapa tahun? Sudahlah daripada tahun 1972 sehingga 1983—11 tahun dividen belum dikeluarkan, apa jadi dengan syarikat-syarikat yang dilaburkan oleh wang yang dikutip daripada rakyat masuk ke sini.

Seterusnya saya hendak sentuh sedikit mengenai satu agensi Kerajaan yang lain mengenai bentuk kewangan dan pengawasan yang tidak sempurna. MARDI, laporan kewangan tahun 1982 sejumlah \$11,882 perbelanjaan yang tidak ada bukti perbelanjaan yang belum mendapat kelulusan, iaitu \$11,000 tidak ada bukti perbelanjaan, itu tahun 1982, laporan-laporan lain kita belum tengok dan agensi-agensi lain kita belum tengok dalam tahun yang sama. Selepas daripada itu, perbelanjaan yang belum mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian sendiri dibelanjakan

dengan sewenang-wenangnya, banyak senarainya. Saya hendak baca satu sahaja yang paling besar, iaitu tahun 1977 \$1,115,959 wang dibelanjakan tanpa mendapat kelulusan daripada Menteri berkenaan dan menjadikan jumlah \$2,329,281 yang dibelanjakan tanpa kebenaran daripada Menteri berkenaan sejak tahun 1973 sehingga tahun 1981. Jadi, perbelanjaan yang dijalankan oleh Badan-badan ini dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

Selain dari itu, sedikit mengenai bentuk kewangan pihak KADA tahun 1980 yang dikeluarkan. Tahun 1978 sahaja sejumlah \$492,650 tidak disokong dengan resit dan baucer-baucer dan tahun 1977 \$447,904 tanpa sokongan dan baucer juga, perbelanjaan yang tidak ada bukti bahawa perbelanjaan-perbelanjaan itu telah dibuat.

Agensi yang ketujuh yang saya lihat iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang bagi tahun 1982 perbelanjaan sebanyak \$506,415 bagi anggaran mengurus telah dibelanjakan tanpa sokongan dan anggaran pembangunan dibelanjakan lebih daripada anggaran yang diperuntukkan. Maaf Tuan Pengerusi, \$506,415 ini perbelanjaan perkhidmatan yang dibelanjakan melebihi anggaran yang diperuntukkan kepada agensi ini. Di samping itu yang lebih besar ialah anggaran perbelanjaan pembangunan. LPP telah membelanjakan \$1,335,794, melebihi peruntukan yang dihaskan kepada badan ini dan di samping itu badan ini juga membelanjakan \$1,450,908 tanpa mendapat kebenaran daripada Menteri Pertanian. Inilah perkara-perkara yang harus bagi kita untuk melihat, bagi Kerajaan untuk meneliti tindakan-tindakan yang perlu bagi memperbaiki keadaan kira-kira bagi semua agensi Kerajaan termasuklah Off-Budget Agencies yang saya sebutkan tadi.

Dalam pengurusan Belanjawan pihak Kementerian adalah diberi kuasa untuk melihat, menapis, meluluskan ataupun tidak meluluskan semua perbelanjaan-perbelanjaan itu. Baru-baru ini dalam usaha Kerajaan untuk memperbaiki keadaanimbangan pembayaran negara suatu lagi agensi Kerajaan iaitu Lembaga Padi dan Beras Negara telah pun diumumkan oleh Ketua Pengarahnya bahawa kontrak untuk mengangkut beras daripada Thai ke Malaysia akan diberi kepada syarikat-syarikat daripada Siam. Maka semalam kalau tidak silap saya pengerusinya telah menjawab bahawa kontrak-kontrak untuk mengangkut beras daripada Siam ke Sabah/Sarawak diberi kepada syarikat-syarikat perkapalan bumiputera.

Dia jawab dari Siam ke Sabah/Sarawak, apa hal daripada Siam ke Semenanjung? Tidak disebut. Hendak belok sedikit cuba untuk menegakkan satu perkara yang tidak benar dan saya juga khuatir kerana perkara-perkara yang saya dengar dalam LPN ini bahawa kontrak-kontrak yang melebihi \$1 juta pun tidak pernah dirujukkan kepada Kementerian untuk kelulusan. Ini sudah melampaui. Inilah bentuk pengawasan yang perlu diambil kira oleh pihak Kerajaan kerana wang Kerajaan terikat dengan peraturan-peraturan yang telah pun saya sebutkan tadi iaitu mestilah mengikut arahan-arahan Perbendaharaan yang telah Kerajaan buat peraturan ini. Mengapa penguatkuasaannya tidak dijalankan? Orang ramai menyebutkan dan saya akan membangkitkan lagi perkara ini Tuan Pengerusi, di dalam masa membahaskan-kalau diizinkan oleh Tuan Pengerusi, di bawah Kementerian Perusahaan Awam mengenai LPN kerana banyak perkara-perkara yang saya lihat tidak baik dan pernah Ahli Yang Berhormat dari Jerai membangkitkan soal mengepakah tindakan tidak diambil

terhadap orang-orang tertentu di dalam LPN ini sedangkan semua bukti-bukti telah diberikan kepada pihak yang berkuasa untuk menyalut iaitu photostat jumlah wang akaun cek—saya tak mahu sebut jumlah, kalau saya sebut jumlah itu menunjukkan suatu perkara yang telah tepat, tetapi inilah sebagai usaha daripada pihak Kerajaan untuk meneliti, untuk mengkaji perkara ini.

Perkara seterusnya, Tuan Pengerusi, di dalam soal untuk memperbaiki semula keadaan Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Tadi kita telah pun membahaskan satu usul yang telah pun kita tolak dan saya tidak mahulah untuk menyentuh perkara itu lagi tetapi di dalam soal bentuk penyelewengan yang dilakukan saya telah menegaskan di dalam Dewan ini semasa membahaskan usul Suruhanjaya Di Raja dahulu bahawa tidak ada seorang pun rakyat Malaysia ini yang bersetuju dengan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di dalam Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan begitulah juga dengan perkara yang berlaku kepada BMF itu. Dengan sebab itulah bahawa teguran-teguran dan saya telah juga mengesyorkan supaya dirombak sekali lagi, dirombak Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank Bumiputra Malaysia Berhad ini sebagai usaha Kerajaan untuk melihat dan mengawasi perjalanan satu institusi kewangan bumiputera yang terbesar di negara ini.

Satu ketika dahulu Bank Bumiputra ini adalah sebuah bank yang paling besar di Asia Tenggara, yang paling disegani kerana baiknya menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dan perdagangannya dan kalaulah benar cerita-cerita yang mengatakan bahawa sebahagian daripada Lembaga Pengarah itu akan meletak jawatan, saya rasa ini adalah suatu perkara yang disambut baik oleh seluruh rakyat

kerana ianya akan membaiki imej Bank Bumiputra itu sendiri.

Saya hendak merujuk sedikit mengenai suatu

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup 21 minit.

Tuan Othman bin Abdul: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja lagi, saya hendak menyentuh

Tuan Pengerusi: Saya ingat tak payahlah. Sudah banyak Yang Berhormat ucapkan, berikan peluang kepada Ahli yang lain sama.

Tuan Othman bin Abdul: Tak ada orang hendak bercakap, Tuan Pengerusi. Saya hendak sebut

Tuan Pengerusi: Jika Yang Berhormat duduk, ada orang yang bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Boleh, Tuan Pengerusi, dalam satu minit sahaja?

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan Othman bin Abdul: Hendak minta di bawah Butiran B. 29 iaitu Sewa Rumah Kerajaan Negeri yang diduduki oleh pegawai-pegawai perkhidmatan di Jabatan-jabatan Persekutuan sebanyak \$9,177,000. Saya cuma hendak merayu kepada Kerajaan supaya dapat mengkaji semula tentang pemberian elaun bagi kakitangan Kerajaan semua kategori daripada Kategori D sampai Kategori A yang berkhidmat kepada Kerajaan dengan kadar yang tertentu.

Sekarang ini kita hanya memberi kemudahan kepada Superscale G ke atas. Mereka itu telah pun mempunyai wang yang banyak. Kalau ikut orang Islam kita mestilah membantu orang yang susah. Jadi, apalah salahnya kalau kita menimbangkan 10% daripada gaji sebagai tambahan

kepada pendapatan pegawai-pegawai Kerajaan yang begitu gigih menjalankan kerja. Jadi itulah permohonan saya kepada pihak Kerajaan supaya dapat menimbangkan pemberian sewa rumah ini kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan jangan mengira kategori. Saya hendak sebut sekali lagi daripada Kategori D sehinggalah ke atas supaya tidak timbul rasa tidak puas hati di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan.

Dengan itu, terima kasih, Tuan Pengerusi, saya menyokong perbekalan di bawah Butiran B. 28 ini.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

6.27 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, boleh sambung esoklah. Sekejap lagi. (*Ketawa*) Sila.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya telah tidak berucap di dalam perbahasan umum Belanjawan yang lepas, saya suka hendak mengambil kesempatan terlebih dahulu mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kewangan kerana telah berjaya membentangkan suatu Belanjawan bagi tahun 1985 yang pada pandangan saya adalah satu Belanjawan yang baik dan mendatangkan banyak faedah kepada negara dan kepada rakyat.

Saya suka di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan peruntukan Belanjawan bagi Maksud Bekalan 28, Kementerian Kewangan dan khususnya berhubung dengan Maksud

B. 28, Butiran 21 iaitu butiran yang telah pun disentuh oleh rakan saya dari Ulu Muda sebentar tadi iaitu berhubung dengan pengurusan Belanjawan dan beberapa perkara yang berhubung dengan perkara ini.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya Belanjawan negara sejak beberapa tahun yang lepas dan sejak kebelakangan ini telah menunjukkan kepada kita bahawa negara kita sebenarnya tidaklah sebagaimana yang lepas. Kita tidaklah begitu makmur lagi dan tidak mempunyai banyak wang untuk dibelanjakan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunan negara ini.

Sungguhpun memang saya percaya dan yakin bahawa Kerajaan sebenarnya memang berhasrat untuk meningkatkan lagi pembangunan untuk negara untuk mencapai pertumbuhan dan juga lain-lain usaha untuk memenuhi keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak rakyat

terutamanya di dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi. Saya percaya bahawa rakyat dapat memahami bahawa keadaan ekonomi negara sebenarnya tidak mengizinkan Kerajaan untuk meningkatkan Belanjawan ini sungguhpun hasrat itu memang ada kepada Kerajaan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh sambung esok.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.